

ADAT DAN PANTANG LARANG SEMASA  
KEMATIAN SUKU KAUM SELETAR, KAMPUNG  
TELUK KABUNG, PASIR GUDANG, JOHOR

NUR AMIRA SYAKILLA BINTI SHAHROM

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN

2022



**ADAT DAN PANTANG LARANG SEMASA  
KEMATIAN SUKU KAUM SELETAR, KAMPUNG  
TELUK KABUNG, PASIR GUDANG, JOHOR**

**DISEDIAKAN OLEH:  
NUR AMIRA SYAKILLA BINTI SHAHROM**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam  
Memenuhi Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.  
Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

*Amira*

NUR AMIRA SYAKILLA BINTI  
SHAHROM

Tarikh: **27/02/2022**

Tandatangan Penyelia

*Norazlinda*

DR. NORAZLINDA BT MOHAMED  
ROSDI

Tarikh: **28/02/2022**

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kekilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

### OPEN ACCESS

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

### EMBARGOES

I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_

### CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

### RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

*amira*

\_\_\_\_\_  
SIGNATURE

*Norazlinda*

\_\_\_\_\_  
SIGNATURE OF SUPERVISOR

981220-01-6276

\_\_\_\_\_  
IC/PASSPORT NO.

Date: **27/02/2022**

DR. NORAZLINDA BT. MOHAMED ROSDI

\_\_\_\_\_  
NAME OF SUPERVISOR

Date: **28/02/2022**

Note: \* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya, walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan dan juga rintangan. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia iaitu Dr Norazlinda Bt Mohamed Rosdi, di atas kesabaran, kecekalan, sokongan, nasihat serta bimbingan yang beliau berikan dalam membantu menjayakan kajian ini.

Selain itu, sekalung kasih saya berikan kepada kedua orang ibubapa saya iaitu Encik Shahrom bin Dahlan dan Puan Ruzi Binti Md. Sham. Mereka adalah penguat dan sumber kekuatan bagi saya kerana mereka sentiasa memberikan kasih sayang, dorongan, bantuan dari segi wang ringgit, iringan doa dan sentiasa menasihati saya supaya menjadi insan yang berguna kepada agama, masyarakat, dan negara.

Seterusnya saya mengucapkan jutaan terima kasih pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya selaku pelajar di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan ini untuk menjalankan dan menyiapkan kajian ilmiah ini. Bukan itu sahaja, tidak lupa juga penghargaan kepada para responden yang membantu untuk menjawab persoalan menerusi temubual terhadap kajian yang dijalankan ini.

Akhir sekali, ribuan penghargaan para sahabat seperjuangan yang sentiasa membantu saya dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan yang berlaku sepanjang menjalankan kajian ini. Sesungguhnya Allah sahaja yang mampu membalas segala baik budi semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# **ADAT DAN PANTANG LARANG SEMASA KEMATIAN SUKU KAUM SELETAR DI KAMPUNG TELUK KABUNG, PASIR GUDANG, JOHOR**

## **ABSTRAK**

Di Malaysia terdapat pelbagai adat dan pantang larang yang merupakan tinggalan nenek moyang yang tersendiri. Sebagai contoh, suku kaum Seletar mempunyai seni budaya yang pelbagai dan menarik. Di Kampung Teluk Kabung mempunyai suku kaum Seletar dimana mereka menggunakan adat dan pantang larang masih wujud hingga sekarang atau telah terbiar akibat arus pemodenan yang melanda. Kebanyakan adat dan pantang larang masih diguna pakai serta dipelihara dan ada juga yang dibiarkan malah adat dan pantang larang tinggalan nenek moyang terdahulu tidak pernah diketahui masyarakat akan kewujudannya. Misalnya, pengebumian mayat bersebelahan dengan rumah si mati yang tidak lagi wujud pada masa kini. Dapat dilihat bahawa masyarakat orang asli ini masih mengekalkan puak yang dipimpin oleh seorang ketua yang dipanggil tok batin yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan menjamin keamanan puak mereka serta menjadi penghubung kepada masyarakat luar. Oleh itu, tujuan projek penyelidikan ini dijalankan adalah untuk meninjau sejauh mana adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar bagi memelihara tinggalan warisan daripada hilang. Adakah ianya dijaga atau terus dipandang serong dan akhirnya akan menyebabkan adat dan pantang larang ini mungkin akan lenyap suatu hari nanti.

Kata kunci: penghubung, suku, pengebumian, tinggalan

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ADAT AND PANTANG LARANG DURING THE DEATH OF THE SELETAR  
TRIBE IN KAMPUNG TELUK KABUNG, PASIR GUDANG, JOHOR**

**ABSTRACT**

In Malaysia, there are various customs and taboos that are the remnants of their own ancestors. For example, the Seletar tribe has a diverse and interesting cultural arts. In Kampung Teluk Kabung, there is a Seletar tribe where they use customs and taboos that still exist today or have been abandoned due to the current of modernization. Most of the customs and taboos are still used and preserved and some have been left and even the customs and taboos left by our ancestors were never known to the community about the existence. For example, the burial of a corpse next to the house of the deceased which is no longer exists today. It can be seen that this aboriginal community still maintains a tribe led by a leader called 'tok batin' who is responsible for maintaining and ensuring the peace of their tribe as well as being a liaison to the outside community. Therefore, the purpose of this research project is to examine the extent of customs and taboos during the death of the Seletar tribe to preserve the heritage from being lost whether it is taken care of or continues to be looked down upon and will eventually cause these customs and taboos will be disappear one day.

Keywords: intermediaries, tribe, burial, leftovers

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>TESIS DECLARATION</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI GAMBAR</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>BAB I      PENDAHULUAN</b>	
1.0      Pengenalan	1
1.1      Latar Belakang Kajian	2
1.2      Permasalahan Kajian	3
1.3      Persoalan Kajian	5
1.4      Objektif Kajian	5
1.5      Skop Kajian	5
1.6      Kepentingan Kajian	6
1.7      Kerangka Teori	7
1.8      Penutup	9



**BAB II SOROTAN KAJIAN**

2.0	Pengenalan	11
2.1	Sorotan Kajian Pertama	12
2.2	Sorotan Kajian Kedua	13
2.3	Sorotan Kajian Ketiga	14
2.4	Sorotan Kajian Keempat	15
2.5	Kesimpulan	16

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	18
3.1	Rekabentuk Kajian	19
3.2	Pendekatan Kajian	20
3.3	Unit Analisis	21
3.4	Kaedah Kajian	23
3.5	Persampelan	24
3.6	Pengumpulan Data	25
3.7	Instrumen Kajian	26
3.8	Kesimpulan	28

<b>BAB IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0	Pengenalan	30
4.1	Sejarah dan Asal Usul Suku Kaum Seletar	36
4.2	Adat dan Pantang Larang Semasa Kematian Masyarakat Orang Asli Kaum Seletar	47
4.3	Kesimpulan	54
<b>BAB V</b>	<b>PENUTUP</b>	
5.0	Pengenalan	55
5.1	Ringkasan	56
5.2	Cadangan Dan Saranan	57
5.3	Penutup	66
	RUJUKAN	68
	PROSEDUR TEMUBUAL	70
	LAMPIRAN	7

## SENARAI GAMBAR

NO. GAMBAR		HALAMAN
1	Orang Asli	36
2	Orang Asli Seletar di Kampung Teluk Kabung.	36
3	Adat dan Warisan Orang Asli	37
4	Orang Seletar	38
5	Rumah di Persisiran Pantai	39
6	Taburan Penduduk Proto Melayu	40
7	Jala Untuk Menangkap Ikan	42
8	Aktiviti Jual Beli	43
9	Aktiviti Memburu di Hutan	44
10	Orang Seletar yang Moden	45
11	Perbincangan antara Jiran Tetangga	47
12	Upacara Menepung Tawar	49

## SENARAI RAJAH

**NO. RAJAH**

**HALAMAN**

1

Carta Aliran Pembinaan Soalan Temubual

7



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Suku kaum Seletar kaya banyak dengan budaya yang kaya serta menarik dan sebagainya. Namun, tidak dinafikan bahawa dalam era yang membangun kini telah mendatangkan impak kepada tradisi kebudayaan warisan masyarakat mereka termasuklah hal yang berkaitan adat dan pantang larang. Orang asli yang dikategorikan sebagai orang Seletar telah dibentuk dalam 18 suku di Malaysia. Suku kaum Seletar ini juga termasuk dalam kumpulan melayu proto yang merupakan satu daripada 3 kumpulan yang pertama seperti senoi dan negrito. Sememangnya, suku kaum Seletar sama seperti suku kaum lain yang mana mereka mempunyai adat dan pantang larang sendiri. Ini termasuklah adat dan pantang larang semasa berlakunya kematian. Orang Seletar atau yang diertikan kata lain “sea gypsies” ialah kumpulan pengembara yang mendiami persisiran pantai serta laut malahan di dalam perahu, pulau, persisiran pantai dan kuala sungai merupakan orang seletar yang telah diertikan kata lain sea gypsies. Persisiran pantai selatan Johor dan Utara Singapura merupakan kawasan khas tumpuan petempatan suku kaum seletar. Mengikut adat kaum seletar, pergantungan kepada hasil laut atau sumber pantai yang telah menyebabkan masyarakat suku kaum seletar hidup secara bertukar tempat. Walaubagaimanapun, cara hidup suku kaum seletar telah mengubah dalam sektor ekonomi masyarakat setempat.

KELANTAN

Namun, petempatan yang lebih tersusun membuatkan mereka telah mendiami kawasan di persisiran pantai di selat Johor. Peralatan yang moden seperti jala, sebagainya telah digunakan oleh suku kaum ini. Masyarakat orang asli suku kaum Seletar ini mengamalkan animisme sebagai agama utama dan terdapat segelintir masyarakat yang telah menganut agama Islam ada serta beragama Kristian. Namun, terdapat banyak lagi asal usul dan sejarah mengenai masyarakat orang asli suku kaum Seletar di Johor. Masyarakat ini terlibat dalam suku jakun, kanaq, orang kuala, temuan dan orang laut yang tergolong dalam etnik yang lain. Namun, tujuan kajian ini dijalankan bagi mengkaji mengenai adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar di Johor kajian kes iaitu di Kampung Teluk Kabung.

## **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Suku kaum orang asli dikatakan tinggal di semenanjung Malaysia. Mereka dikatakan berasal dari negara seperti Champa iaitu Vietnam, Sumatera, Burma iaitu Myanmar dan lain-lain sumber. Orang asli serupa dengan orang melayu dan mempunyai banyak persamaan dari segi adat dan fizikal namun tidak dinafikan juga mereka telah datang ke Tanah Melayu sebelum abad ke -13 lagi. Kumpulan orang asli ini juga dikatakan mula berhijrah di bahagian utara Tanah Melayu. Suku kaum ini juga mempunyai banyak persamaan dari segi percakapan, rupa muka dan aktiviti harian mereka. Namun begitu, orang asli juga merupakan golongan bumiputera dan minoriti yang wajar diberi kesempatan untuk meneruskan peraturan dan larangan dalam kelompok masyarakat mereka. Dalam era yang moden ini, situasi di dunia yang kian mencabar telah memberi kesan yang mendalam terhadap pengamalan adat dan pantang larang terhadap sesebuah kaum yang ada di Malaysia termasuklah suku kaum Seletar. Suku kaum Seletar dikatakan tinggal di kawasan Johor dan dikategorikan sebagai Melayu Proto. Mereka juga merupakan penduduk tetap sejak dahulu lagi. Kumpulan pengembara persisiran pantai laut yang tinggal di persisiran pantai di selatan Johor ialah orang asli seletar. Kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat suku kaum ini bergantung kepada hasil tangkapan di persisiran pantai yang mereka diami.

Suku kaum Seletar ini juga mempunyai aspek dan struktur organisasi mereka yang tersendiri seperti kaum orang asli yang lain juga.

Dapat dilihat bahawa masyarakat orang asli ini masih mengekalkan kumpulan yang diketuai oleh seorang ketua yang dikenali sebagai tok batin dipertanggungjawabkan bagi menjaga dan memastikan keamanan suku kaum mereka serta menjadi perantara kepada masyarakat lain. . Masyarakat orang asli ini juga dikatakan mempunyai peraturan dan larangan mereka yang tersendiri seperti kepercayaan animisme. Sistem kepercayaan suku kaum Seletar berkonsepkan fungsi ketua seperti tulah, jasad dan lain-lain lagi. Bahkan, pandangan kehidupan masyarakat suku kaum seletar yang dikenali sebagai konsep pandang dunia banyak dipengaruhi oleh keadaan sekeliling yang berlaku. Tidak dinafikan juga, mereka mempunyai adat lawatan dan kunjungan, kelahiran, perkahwinan dan kematian yang telah diturunkan oleh nenek moyang mereka yang terdahulu. Sebagai contoh, seorang suami akan mengumumkan jiran apabila isterinya mahu melahirkan anak dan menjadi keutamaan bagi kaum atau para perempuan merawat si isteri untuk menolong semampu mereka merupakan satu contoh dalam peraturan dan larangan semasa melahirkan bayi yang mereka gunakan dalam peraturan dan larangan semasa melahirkan bayi yang mereka gunakan sejak dari nenek moyang mereka yang terdahulu. Namun, terdapat banyak adat dan pantang larang lain yang ada dalam suku kaum Seletar seperti semasa kematian.

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Setiap kajian mempunyai masalah yang tersendiri dan begitu juga dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji Dalam penyelidikan yang dijalankan, permasalahan kajian adalah amat penting kerana masalah yang ingin dikaji dalam penyelidikan adalah hasil daripada permasalahan kajian. Manakala, masalah kajian ini dapat dilihat setelah meneliti semua aspek dalam mengumpulkan maklumat untuk kajian ini. Antaranya ialah suku kaum Seletar di Johor telah berlaku perubahan akulturasi dan asimilasi sehingga akhirnya menyebabkan perubahan telah berlaku. Asimilasi adalah keadaan yang dikatakan penerapan unsur

kebudayaan dalam seseorang individu yang asalnya datang dari masyarakat yang berlainan dari kebudayaan yang mereka miliki. Hal ini berlaku kerana, kebudayaan tertentu dihadapkan dengan unsur kebudayaan asing yang berbeza sehingga kebudayaan asing yang berbeza apabila satu kelompok manusia dengan kebudayaan asing yang berbeza diterima dan diolah untuk menjadi kebudayaan sendiri. Justeru, semua masyarakat yang mempunyai budaya serta adat dan warisan yang tersendiri di dunia ini telah merasai perubahan secara drastik. Misalnya, sistem demografi yang terasing, dari segi ekonomi, politik, sistem kepercayaan dan sebagainya. Keseluruhannya, perubahan yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah suatu aktiviti kehidupan yang dijalankan yang tidak sama daripada yang telah dilakukan pada generasi yang terdahulu.

Tekanan pembangunan negara yang semakin maju ke arah yang mapan menyebabkan tradisi dan corak hidup komuniti diancam secara perlahan-lahan. Sikap masyarakat sekeliling yang masih tidak cakna mengenai kepentingan pemeliharaan budaya telah menjadi ancaman kehilangan identiti budaya dan warisan serta nilai-nilai yang baru dan asing kian terhakis. Kesan-kesan sampingan yang dikenalpasti terutamanya pemusnahan sumber warisan binaan akibat tekanan pembangunan terutamanya kepada kawasan lama yang ada nilai pembentukan imej yang tinggi bagi bandar utama di Malaysia dalam suasana membangun. Pembangunan – pembangunan yang telah didirikan telah memberi impak terhadap peningkatan hartanah terutama sekali dikawasan lama di sebuah bandar kerana perletakannya ialah asas kepada pembentukan bangunan yang baru mudah terarah menyebabkan kawasan – kawasan telah melengkapkan nilai warisan yang telah lama wujud di kawasan tersebut.

Pelaksanaan seperti perancangan pembangunan telah melibatkan banyak proses yang berubah adari semasa ke semasa kepada masyarakat suku kaum orang asli dari segi aspek sosial dan ekonomi. Impak dan perkara baru telah disebar dengan meluas ke dalam corak kehidupan dan gaya hidup masyarakat pada masa kini disebabkan pembangunan yang telah dilakukan. Perubahan kehidupan seharian suku kaum seletar adalah disebabkan pembangunan yang moden dari hari ke hari. Pergantungan kepada ciri-ciri, aktiviti dan seni



bina serta keunikan kawasan lama yang telah dipelihara oleh orang asli zaman dahulu kala yang telah menjadi daya tarikan kepada sesiapa yang melihat dan mengalaminya. Pelancong banyak datang melawat suku kaum orang asli jika dilihat kebiasaan tabiat pelancong yang melawat di negara kita sangat gemar pergi ke kampung orang asli untuk melihat budaya mereka.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Beberapa persoalan dalam kajian telah ditimbulkan oleh pengkaji iaitu:

- i) Bilakah sejarah dan perkembangan suku kaum Seletar bermula?
- ii) Apakah adat dan pantang larang semasa kematian yang ada dalam suku kaum Seletar?
- iii) Bagaimanakah langkah untuk mengekalkan amalan dan budaya warisan suku kaum Seletar?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif dalam kajian yang bertajuk Adat dan Pantang Larang semasa kematian suku kaum Seletar di Johor: Kajian Kes di Kampung Teluk Kabung ialah:

- i) Mengenalpasti sejarah dan asal usul suku kaum Seletar.
- ii) Mengkaji adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar.
- iii) Menganalisis langkah untuk mengekalkan amalan dan budaya warisan suku kaum Seletar.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian amat penting bagi memfokuskan terhadap kajian yang hendak ditumpukan. Terdapat beberapa skop kajian yang digunakan dalam tajuk ini. Namun, tidak dinafikan bahawa masyarakat orang asli pada masa kini telah menjalani kehidupan yang moden dan sama di pandangan manusia biasa. Pengkaji hanya mengkaji berkenaan aspek masa, tempat dan adat serta pantang larang berpandukan tajuk dan capaian yang telah dirangka di dalam kajian ini.

Penetapan skop kawasan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu Kampung Teluk Kabung kerana kawasan serta penempatan kampung tersebut mempunyai suku kaum Seletar yang telah lama mendiami kawasan berkenaan. Kawasan yang menjadi tempat tinggal mereka iaitu berdekatan dengan persisiran pantai. Masyarakat ini masih mempunyai jati diri budaya mereka yang tersendiri untuk dijadikan sebagai tinggalan warisan budaya mereka. Kajian ini hanya berfokuskan kepada satu tempat di Kampung Teluk Kabung yang terletak di hujung pinggir Bandar Johor Bahru. Pengamalan peraturan dan larangan semasa kematian oleh suku kaum Seletar semakin kurang diamalkan kerana majoriti daripada mereka telah menganut agama Islam. Jika adapun, hanya segelintir sahaja yang masih mengamalkan adat tersebut.

Di samping itu, pengkaji juga telah menetapkan skop kajian iaitu kegiatan harian yang dijalankan oleh mereka. Secara tradisional, pergantungan kehidupan orang seletar terhadap hasil laut seperti ikan, ketam dan sebagainya. Mereka sering hidup berpindah randah oleh kerana keadaan yang melanda pada masa kini. Malahan, perubahan gaya hidup suku seletar yang dipengaruhi oleh sosioekonomi pada masa kini. Kampung Teluk Kabung di Johor Bahru iaitu di Selatan Negeri Johor merupakan penempatan kini yang lebih teratur oleh orang seletar. Pengamalan kepercayaan animisme bahkan juga ada di antara mereka yang telah memeluk agama Islam. Terdapat juga yang sudah bekerja di kilang perindustrian yang berdekatan di samping, penangkapan ikan dengan menggunakan peralatan yang

moden telah digunakan oleh mereka. Tambahan pula, terdapat di antara mereka yang mendirikan kedai makanan laut.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pelaksanaan untuk meneliti masalah terutamanya mengenai budaya suku orang asli yang istimewa ini merujuk kepada skop kajian yang mana ia semakin jarang dipelajari dan tiada pengamalan oleh generasi muda pada masa kini. Secara ringkasnya, kepentingan kajian ini amat penting bagi mendapatkan faedah yang berguna kepada pengkaji dan komuniti memperlihatkan komuniti memainkan peranan sebagai satu keutamaan yang terdiri daripada beberapa bahagian. Jika dilihat pada setiap bahagian, ia berfungsi dengan setempat. Terdapat beberapa kepentingan kajian berdasarkan tajuk kajian yang telah dicadangkan oleh pengkaji.

Kepentingan kajian yang diperoleh hasil daripada keseluruhan tajuk ini adalah dapat mengetahui tentang suku kaum Seletar yang tinggal di Kampung Teluk Kabung yang berdekatan dengan Bandar Johor Bahru. Mereka telah mendapat bantuan oleh kerajaan dari segi taraf kehidupan seperti kemudahan jalan raya dan sebagainya. Populasi masyarakat suku kaum Seletar ini keseluruhannya berjumlah 3000 dan kawasan yang ramai penduduk di Johor iaitu 1042 orang manakala 1200 di Singapura. Pengkaji secara tidak langsung dapat mengetahui akan pantang larang yang telah diamalkan oleh kaum Seletar ini.

Selain itu, hasil penyelidikan kajian membolehkan pengkaji lain dapat menggunakan sebagai panduan bagi yang ingin menjalankan kajian berkaitan suku kaum Seletar. Bahkan juga, kajian ini berpotensi untuk dikembangkan dan dimantapkan lagi terutamanya bidang yang berkaitan ilmu kebudayaan orang asli. Secara amnya, budaya serta amalan dan pantang larang semasa kematian masyarakat orang asli suku kaum Seletar ini didapati semakin pudar dan terhakis disebabkan era pemodenan dan pembangunan yang

ada pada hari ini dan langkah pemeliharaan perlulah dilaksanakan agar adat dan pantang larang ini tidak hilang begitu sahaja.

## 1.7 KERANGKA TEORI

Penggunaan teori dalam kajian ini yang bertajuk adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum seletar di Kampung Teluk Kabung di Johor ialah teori Struktural Fungsional yang lebih dikenali sebagai teori Fungsional yang pada asalnya dilihat masyarakat yang berada dalam keadaan yang sejahtera dan damai. Teori fungsional juga dikatakan memberi makna pada satu bahagian dan juga memberi sumbangan secara keseluruhan kepada bahagian-bahagian berkenaan. Masyarakat dilihat sebagai satu sistem sosial yang mempunyai fungsi yang tersendiri.

Teori ini tertumpu kepada situasi yang dikawal rapi dan keamanan dalam masyarakat. Masyarakat adalah badan satu sistem yang dikaitkan antara satu sama lain yang setiap bahagian saling bergantung. Bahagian ini merupakan institusi sosial dan struktur seperti institusi kekeluargaan, keagamaan dan lain-lain lagi. Pada setiap bahagian itu mempunyai fungsi untuk mengekalkan sistem yang teratur bahkan ia juga dapat mempertahankan ketenteraman sosial. Setiap masyarakat dan komuniti menjalankan nilai dan urutan tingkah laku yang dilakukan bersama oleh sebuah komuniti. Tokoh teori fungsional yang berasaskan teori fungsional ini adalah Emile Durkheim. Penggunaan kerangka teori ialah teori fungsional dalam kajian ini sebagaimana tokoh yang menyokong kepada teori yang dipelopori oleh Durkheim. Terdapat tiga aspek utama yang dikategorikan melalui idea atau pemikiran Durkheim yang berkaitan dengan teori yang dikaji ini iaitu fakta sosial, perpaduan dalam masyarakat dan fenomena bunuh diri.

Namun, kajian ini berfokuskan mengenai fakta sosial dan perpaduan dalam masyarakat yang dikemukakan oleh Emile Durkheim dimana tokoh ini berkata yang utama

dalam bahan kajian sosiologi ialah fakta sosial. Tokoh ini berkata bahawa fakta sosial yang utama ialah bahan kajian terhadap penyelidikan sosiologi. Semua kejadian sosial seperti peraturan, pantang larang perkahwinan, adat resam, undang-undang, pendidikan, kepercayaan, kepimpinan dan lain lain lagi termasuk dalam fakta sosial yang dinyatakan sebagai perkara yang boleh dikaji secara objektif. Sebagai individu dalam sesebuah masyarakat hendaklah mengikut cara serta undang-undang yang terletak di dalam fakta sosial yang digunapakai oleh setiap kaum. Sebagai contoh, seseorang individu hendaklah patuh atau menuruti peraturan perkahwinan seperti pantang larang yang merupakan amalan setiap kaum. Hal ini boleh dilihat daripada konteks fakta sosial yang dilihat telah melibatkan kepada penekanan ke atas seseorang bagi meneruskan kehidupan dan kestabilan seluruh masyarakat.

## **1.8 KESIMPULAN**

Secara umumnya, pengenalan bagi latar belakang kajian ini mendapati bahawa permasalahan kajian yang telah ditentukan di peringkat awal dapat diselesaikan agar objektif kajian akan tercapai kelak. Keunikan budaya orang asli yang masih diamalkan pada hari ini melalui hasil kajian seterusnya dapat menyampaikan maklumat ke atas pengkaji. Namun begitu, sekiranya usaha tidak dijalankan dengan berterusan kepada generasi muda, maka amalan budaya ini bakal hilang ditelan zaman dan secara tidak langsung akan pupus begitu sahaja. Kajian ini juga mempunyai kepentingan yang tersendiri bagi tujuan mengenali suku kaum Seletar di samping memberikan rujukan sampingan mengenai tajuk kajian ini kepada masyarakat yang akan datang. Kajian seperti ini untuk masa yang akan datang dapat menyelesaikan masalah ataupun isu budaya yang dikatakan tidak lagi diamalkan dalam kehidupan seharian kepada generasi kaum seletar pada hari yang mendatang.

Suku orang asli ini juga adalah menjadi lambang komuniti yang mempunyai kelompok yang besar serta luas ke serata tempat terutamanya di semua kawasan setempat.

Orang asli Seletar misalnya masyarakat yang menjadi pengembara yang menetap di pantai selatan di Johor. Kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat suku kaum ini bergantung kepada hasil tangkapan di persisiran pantai yang mereka diami. Mereka juga yang dikatakan telah menetap di dalam sampan panjang serta menjalani kehidupan secara bertukar tempat di permukaan laut kini masyarakat ini telah memiliki kawasan perkampungan mereka yang tersendiri di Kampung Teluk Kabung, Johor. Suku kaum Seletar ini bergantung kepada sumber lautan seperti ikan, sotong dan lain lain lagi bagi meneruskan kehidupan mereka. Namun, terdapat sesetengah kaum Seletar yang mempunyai pekerjaan di kilang perindustrian dan ada segelintir di antara mereka yang mengusahakan kedai makanan laut di sana.

Lapan buah kampung telah ditemui dan didiami oleh komuniti orang seletar yang terletak dalam daerah johor bahru. Antara kampung – kampung tersebut yang telah didiami oleh suku kaum seletar ialah Kampung Simpang Arang, Kampung Bakar Batu, Kampung Sungai Temun, Kampung Teluk Jawa, Kampung Pasir Putih, Kampung Kuala Masai, Kampung Teluk Kabung dan Kampung Pasir Salam. Di antara lapan buah kampung tersebut, Kampung Bakar Batu dan Kampung Sungai Temun adalah merupakan dua buah kampung yang paling hampir dengan bandar Johor Bahru. Namun, tidak dinafikan bahawa suku kaum Seletar ini harus dibela kerana mereka juga merupakan penduduk tetap di Malaysia.

## **BAB II**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.0 PENGENALAN**

Dalam tajuk ini mengandungi kajian lepas yang terhasil daripada semua tajuk kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian adat dan pantang larang semasa kematian masyarakat orang asli suku kaum Seletar di Johor oleh pengkaji. Perkara yang diketengahkan adalah kajian yang terdahulu berkaitan dengan tajuk ini seperti masyarakat orang asli secara umum dan masyarakat suku kaum Seletar. Terdapat banyak kajian yang boleh dijadikan rujukan untuk kajian ini namun tidak semuanya berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Kajian yang dijumpai mempunyai maklumat tambahan mengenai masyarakat suku kaum Seletar yang dapat dijadikan sebagai ikutan dan tunjuk ajar untuk masyarakat yang akan datang. Namun, kajian yang bertajuk adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar di Johor iaitu kajian yang tertumpu di Kampung Teluk Kabung bertujuan untuk mengetahui serba sedikit mengenai suku kaum Seletar dengan lebih mendalam terutama dari segi aspek kematian. Secara umumnya, kajian-kajian lepas yang menyentuh mengenai suku kaum Seletar dari segi pelbagai aspek seperti bahasa, pembangunan dan sebagainya mempunyai kaitan dengan kaum ini. Bagi kajian ini, maklumat serba sedikit telah diperolehi melalui kajian – kajian literatur yang terdahulu. Selain itu, maklumat juga diperolehi dari responden yang bersifat kepelbagaian data, pendapat, soal selidik, pengalaman penulisan sendiri serta pandangan pengawai atasan. Bagi mengumpulkan

sumber-sumber yang menyeluruh, pengkaji menilai, mensintesis serta menghuraikan maklumat dalam membentuk ayat sendiri. Melalui proses ini, pengkaji telah mengaitkan kajian dalam skop yang lebih padat melalui dapatan yang dibuat oleh pengkaji lain tentang tajuk pada masa dahulu.

## 2.1 KAJIAN LEPAS

Setelah diteliti dengan terperinci, kajian literatur yang telah sedia ada adalah bertajuk 'Konflik Antara Orang Seletar dan Pembangunan Iskandar, Johor'. Para pengkaji yang terlibat dalam menjalankan kajian ini adalah Hasan Mat Nor, Abd Rahim bin Mohd Nor, Katiman Rostam, Esah Mohamed dan Zaini Sakawi. Keseluruhan kajian ini adalah membincangkan tentang kesan daripada pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli. Secara umum, tinjauan semua desa mendapati bahawa masyarakat orang Seletar tidak dapat menghasilkan kemampuan masyarakat tersebut untuk diserap dalam pembangunan di Johor. Cara hidup mereka berada dalam keadaan kemiskinan dan terus terlibat dalam kegiatan memancing tradisional kecil di perairan di sekitar Selat Tebrau. Salah satu faktor yang membuat mereka menghadapi kemerosotan adalah bahawa pembangunan yang dirancang iaitu Iskandar tidak dapat melindungi masyarakat pinggiran bandar tetapi untuk mempromosikan pembangunan serta sektor ekonomi Johor dengan mewujudkan hubungan yang bertaraf dunia menguntungkan masyarakat yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan situasi kewangan yang memenuhi keperluan global. Pencemaran dan sekatan yang dikenakan kepada masyarakat moden menyebabkan masyarakat suku kaum Seletar ini telah dipinggirkan daripada masyarakat bandar oleh kerana kekurangan yang mereka ada dan ini secara tidak langsung telah menrencatkan lagi pendapatan harian mereka.

Ringkasnya, pengkaji berharap dapat memindahkan kampung mereka ke kawasan yang mana pertanian dapat dikembangkan. Selama mereka tinggal di kawasan sekarang dan kerana perkembangan pesat di sekitar keluarga, mereka terus bergantung kepada kegiatan penangkapan ikan yang tradisional untuk kebiasaan dan pencemaran. Ini secara



tidak langsung menyebabkan mereka terjebak dalam kemiskinan. Perbandingan suku asli yang ada di Malaysia ini menunjukkan bahawa suku Seletar ialah masyarakat yang tinggal berhampiran dengan persekitaran bandar di Johor Bahru. Suku kaum Seletar ini mengikut perubahan dan pembangunan yang berlaku sehingga menyebabkan mereka ini tidak dianggap tersisih oleh masyarakat lain. Suku kaum Seletar ini dijangkakan mempunyai lebih banyak peluang untuk menerima pendedahan kepada kemajuan dan kehidupan di bandar. Masyarakat suku kaum Seletar ini mempunyai perasaan yang sensitif mengenai perubahan corak kehidupan mereka akan mengambil masa untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan budaya di bandar oleh sebab terlalu banyak pembangunan kepada perubahan bandar Johor Bahru. Kajian ini juga mempunyai tujuan bagi menilai kesan pembangunan wilayah bandar Johor Bahru iaitu yang dikenali sebagai Iskandar Malaysia kepada masyarakat suku kaum Seletar ini. Kaedah dan hasil kajian tajuk ini mendapati bahawa masyarakat Orang Asli kaum Seletar ini tidak agresif dengan memberikan keupayaan mereka untuk terlibat dalam pembangunan yang semakin pesat berkembang di Johor. Kemiskinan dan kaum ini masih hidup dengan terlibat dalam aktiviti menangkap ikan di sekitar kawasan Selat Tebrau. Orang Seletar ini berasal daripada perkataan bahasa Melayu yang dimaksudkan dengan orang selat. Nama selat ini boleh diertikan dengan perkataan selatan dan selat ini bermaksud pemisah untuk dua tanah yang besar yang dikatakan oleh Sopher pada tahun 1965. Secara amnya, pemisah dua tanah yang besar itu merujuk kepada laluan air yang sempit di Pulau Batam. Merujuk kepada pandangan Ariffin Norpiah pada tahun 1979, masyarakat Seletar ini dikatakan berasal daripada Orang Singapura dan Orang Selat Batam. Sampan Orang Seletar ini akan dijadikan sebagai rumah untuk aktiviti harian mereka.

Kajian literatur kedua adalah bertajuk 'Penstrukturan Masyarakat dan Identiti Interaksi Sosiobudaya Orang Laut (Kuala) Negeri Johor' oleh Maryam Syafiqha Mohd Sayuti mendapati bahawa penyelidikan ini bergantung kepada proses peradaban, sama ada ia direalisasikan atau terus berlaku kerana ia adalah proses yang mana ia terpaksa membuat pilihan yang wajar dan berdasarkan nilai-nilai yang sesuai dengannya. Komuniti Orang Laut Johor (Kuala) dilihat sebagai kajian bagaimana proses ini berlaku dalam masyarakat kita. Kajian ini mendapati bahawa orang-orang Kuala dapat ditemui di pinggir pantai

berhampiran Johor Bahru dan kemudian nama orang-orang Kuala dihubungkan dengan nama tempat di Singapura. Pada mulanya, masyarakat Seletar menetap di sekitar selat Singapura dan selat Tebrau sebelum beralih ke Johor. Kemuncak imigrasi ini adalah merujuk kepada pemisahan Singapura daripada Malaysia. Orang-orang Seletar, Singapura diisytihar pupus dan orang-orang Melayu telah diasimilasi pada hari ini. Masyarakat yang sentiasa berubah ini menerima pengaruh Islam dengan perlahan sehingga ada di antara mereka yang menerima agama Kristian dan Buddha. Walaupun kaum ini telah menetap di pesisir Semenanjung Malaysia secara kekal, mereka terus hidup dengan cara tradisional. Sama seperti bahasa mereka, bencana yang diterima oleh mereka secara beransur-ansur hilang. Perbendaharaan kata adalah 20% serupa dengan Seletar Melayu dan kanak-kanak suku kaum Seletar lebih selesa menggunakannya berbanding bahasa Melayu Seletar yang asli. Oleh kerana bahasa Seletar sememangnya layu dan kumpulan bahasa lain mendominasi ketika ia tenggelam, anak-anak kini lebih selesa dengan Seletar dalam Bahasa Melayu. Secara umumnya, melalui analisis terperinci mengenai interaksi kaum minoriti, kegiatan ekonomi dan adat istiadat agama, serta kajian struktur masyarakat orang utan Kuala, dapat dilihat daripada kumpulan minoriti secara beransur-ansur telah mula hilang. Dari segi struktur sosial, sebagai penyelesaian, pengembangan dan perubahan dalam adat perkahwinan telah mulai pupus di dunia sekarang ini dan peradapan tradisi, adat serta bahasa telah semakin tenggelam. Kadar kelahiran dalam masyarakat dilihat semakin menurun setiap hari. Dari segi perspektif penggunaan bahasa formal, hampir semua generasi baru tidak memahami bahasa formal yang fasih. Sebilangan besar orang Seletar telah mula menggunakan Bahasa Melayu sebagai pendidikan sekolah formal dan berintegrasi dengan komuniti yang berada di sekitar. Dari segi kegiatan aktiviti yang telah lama, komuniti ini telah menjadi orang laut serta telah menguasai dan arif mengenai lautan. Bahkan, perkembangan serta peningkatan teknologi dalam masyarakat di negara lain, suku kaum yang mengalami kesinambungan dan kelestarian budaya sama seperti Orang Kuala adalah orang Asli Australia dan Kaum Red Indian di Amerika yang turut menerima impak yang meluas dari aspek pelestarian dan kecanggihan teknologi.

Kajian seterusnya adalah bertajuk kajian ‘Amalan Budaya Orang Asli Suku Kaum Jakun Di Kampung Peta’ oleh Siti Aminah Binti Mohd Sam telah menyatakan bahawa

secara umumnya, suku kaum Jakun ini dibaluti dengan tamadun mereka yang luar biasa dan istimewa iaitu berbeza dengan masyarakat yang lain. Peringkat arus kemodenan yang mencabar ini telah menghasilkan terhadap pelaksanaan sesuatu tinggalkan dalam aktiviti seharian. Keputusan kajian ini mendapati bahawa pengamalan sesuatu tinggalkan masih diguna. Contoh amalan yang boleh diketengahkan adalah makanan, tempat tinggal, kraftangan dan lain-lain lagi. Agama dan kepercayaan serta perubatan tradisional merupakan amalan budaya bukan material oleh kerana masyarakat tidak menyukai cara hidup. Oleh itu, langkah perlu diambil bagi mengekalkan kebudayaan suku kaum ini. Antaranya ialah mengetahui kebolehan yang ada pada diri Orang Asli dan memberikan pandangan yang inovatif terhadap rumah bagi menarik minat Orang Asli. Dengan cadangan dan langkah-langkah yang diberikan dapat melahirkan generasi yang boleh dijadikan sebagai pewaris untuk mewarisi amalan budaya ini pada masa yang akan kelak. Tambahan pula, suku kaum jakun mengamalkan kepercayaan animisme. Alam sekitar seperti bukit, gunung, lembah dan sebagainya mempengaruhi kehidupan mereka. kepercayaan mereka bahawa kampung mereka akan dilanda bencana sekiranya ada yang melanggar pantang larang. Masyarakat jakun ini bermula dengan dengan rombongan merisik yang diketuai oleh ketua keluarga pihak lelaki bersama Tok Batin dari segi adat perkahwinan. Amalan ini dilakukan secara senyap dan hanya diketahui oleh keluarga sebelah lelaki dan perempuan sahaja. Setelah kedua belah pihak mencapai kata sepakat maka diikuti dengan upacara meminang serta hantaran diikuti dengan penetapan tarikh majlis perkahwinan. Cincin “belah rotan” digunakan sebagai tanda pertunangan, pengeras (batu kepala) satu suku (duapuluh lima sen) dan kelengkapan serba satu (sepasang pakaian, sepasang kasut, alat-alat solek, sehelai sapu tangan dan satu set perkakas jahitan iaitu gunting, jarum, dan benang).

Kajian seterusnya yang bertajuk ‘Keupayaan Komuniti Keusahawanan Dalam Kalangan Suku Kaum Orang Kuala Di Rengit, Johor’ mendapati bahawa Orang Asli dikatakan dapat menampung cara hidup mereka dengan bergantung kepada alam semulajadi mengikut tempat yang mereka didiami. Hal ini kerana, mereka mempunyai kemahiran semulajadi yang diterapkan dalam kaum mereka tersendiri. Mereka dikatakan bergantung kepada hasil hutan dan juga laut. Contoh kemahiran yang boleh diketengahkan

ialah kraftangan, bertukang, memburu, nelayan dan sebagainya. Dengan hasil yang mereka dapat semakin lama, mereka semakin mahir dalam bidang jual beli dalam kalangan masyarakat. Contohnya masyarakat orang asli di Rengit ini. Hasil daripada kajian ini adalah keupayaan kaum orang Kuala yang berkemahiran dalam aktiviti jual beli dengan menggunakan barangan yang telah diguna pakai seperti tin, botol dan lain-lain lagi untuk menjadikan wajar dijadikan contoh kepada peningkatan pembangun yang pesat terhadap sektor ekonomi kaum Orang Asli yang lain. Hal ini menjadi petunjuk aras kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) bagi meningkatkan lagi kesedaran pendidikan dalam bidang keusahawanan dalam kalangan masyarakat minor dan juga dapat meningkatkan kesedaran dalam bidang pendidikan keusahawanan untuk kalangan masyarakat minoriti ini. Hal ini dapat menghasilkan lagi kualiti perniagaan agar lebih efektif dan dapat memperkenalkan kualiti perniagaan. Bidang Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional dapat memberikan ilmu pengetahuan. Penyelidik ini berharap agar hasil daripada menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dapat membawa meningkatkan aktiviti keusahawanan kepada kaum orang kuala. Rangka konsep yang telah berjaya digunapakai tidak boleh diturunkan oleh masyarakat lain tetapi boleh ditukar ganti atau dijadikan sebagai contoh panduan atas kesamaan ciri-ciri komuniti orang asli yang lain.

## **2.2 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulannya, kajian literatur amat penting dirujuk ketika melakukan kajian sebagai penciptaan kepada perantara dengan penulis dan pembaca. Kajian literatur dapat memberikan rujukan kepada pengkaji untuk menjalinkan hubungan antara pembaca supaya mereka dapat mempercayai bahawa pengkaji telah melakukan kajian dengan betul. Sebagai seorang pelajar, pengkaji tidak beberapa pakar mengenai sesuatu bahagian. Dengan membuat perangkaan ke atas kajian dengan menyeluruh hal ini dapat membolehkan pengkaji mengetahui isi yang ingin disampaikan. Kajian lepas yang dijadikan sebagai sumber rujukan secara kasar dan serta dapat menganalisis kajian yang mengandungi maklumat, info, data serta kaedah pemerolehan maklumat yang terlibat dengan tajuk kajian.

Secara tuntasnya, kajian literatur mengalami satu proses yang sistematik di samping keperluan penelitian serta kebolehan menganalisis, mengutip, meringkaskan maklumat dan info dengan lebih tepat. Kajian literatur yang akan membantu pengkaji untuk membandingkan dan membezakan aspek dari segi sejarah penyelidikan serta cara penyelidikan yang lain berlainan atau secara asal yang dilakukan oleh pengkaji sendiri di samping pemikiran pengkaji terhadap merasionalisasikan tajuk kajian penyelidikan ini. Semestinya, pengkaji telah mengguna pakai yang berlainan bagi memudahkan proses dapatan maklumat dengan melakukan pelbagai kajian menyeluruh serta menyumbang ke arah penginovasian terhadap teknologi moden dari zaman ke zaman. Oleh yang demikian, kajian lepas juga penting dalam membantu pengkaji untuk membentuk dan membimbing penyelidikan ke arah yang luar biasa dengan memberikan pendapat dari sudut yang berlainan tentang tajuk penyelidikan masing – masing.

Namun, kajian yang terdahulu telah mengkaji secara umum dari segi aspek kehidupan masyarakat orang asli seperti suku kaum orang Seletar ini. Pemahaman mengenai struktur latar belakang subjek penyelidikan yang dijalankan juga tergolong dalam kepentingan kajian lepas kepada pengkaji. Perbezaan dari segi pengolahan idea dan isi membolehkan pengkaji membuat rujukan mengenai kajian ini sebagai maklumat sampingan yang boleh digunakan bagi mengukuhkan lagi isi kajian yang bertajuk adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar yang bertumpukan di Kampung Teluk Kabung, Johor.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Metodologi kajian merupakan aspek yang penting dalam penyelidikan yang membolehkan kaedah paling sesuai dan keberkesanan bagi merungkai permasalahan kajian. Perangkaan kaedah kajian merupakan penglibatan contoh dalam subjek kajian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metodologi kajian berbentuk kualitatif sahaja. Penyelidikan berbentuk temubual mempunyai hasil data yang sempurna dan berlainan dengan penyelidikan yang lain. Data kuantitatif yang melibatkan data yang berstruktur dan berpola. Metodologi penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis secara mendalam bentuk data, kelebihan dan kekurangan kaedah untuk semua data yang dikumpulkan dan proses pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif.

Penyelidik akan menggunakan beberapa kaedah penyelidikan. Pengumpulan data hasil temubual adalah data deskriptif mengenai tingkah laku manusia dalam bentuk lisan atau tulisan. Selain data deskriptif, kajian tindakan, kajian kes, kajian lapangan dan analisis dokumen juga dilakukan. Temuramah penyelidikan kualitatif terbahagi kepada dua bahagian iaitu wawancara mendalam dan wawancara utama. Wawancara mendalam adalah

alat yang sangat penting ketika membincangkan bagaimana mengumpulkan data dalam penyelidikan kualitatif. Sub tajuk berikut akan membincangkan definisi wawancara iaitu kelebihan kaedah dan teknik ini jenis dan kekurangan wawancara mendalam. Walaubagaimanapun, para penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian. Kaedah ini adalah cara bagi memproses kajian yang dihasilkan melalui dapatan maklumat yang dapat ditafsirkan. Ini adalah kebiasaan dalam fakta sains sosial yang berkaitan kepada pemerhatian masyarakat bidangnya. Kaedah temubual ini dalam kajian ini adalah kajian kes, kajian sistem, sama ada bentuk prosedur atau perkara yang berlaku dihadkan oleh lokasi yang telah ditetapkan. Menjalankan kajian adalah bertujuan untuk mengumpulkan info, mendapatkan makna dan mendapatkan hasil kajian mengenai penyelidikan tersebut. Cara pelaksanaan data melibatkan pengenalan lokasi atau seseorang serta membolehkan kebenaran bagi mendapatkan rekod serta contoh maklumat yang mempunyai matlamat utama dalam pengumpulan data, pengkodan maklumat dan penyelesaian isu. Kajian kualitatif yang berbentuk penyelidikan tinjauan, persampelan dan eksperimen akan digunakan oleh pengkaji dalam tajuk kajian adat dan pantang larang semasa kematian masyarakat suku kaum Seletar di Johor: Kajian Kes di Kampung Teluk Kabung.

### **3.1 REKABENTUK KAJIAN**

Terdapat beberapa reka bentuk kajian yang telah digunakan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Tujuan penyediaan rekabentuk adalah untuk menghubungkan perkara yang berkait dengan persoalan dan objektif kajian dengan hasil kajian. Proses kaedah persampelan digunakan untuk mendapatkan maklumat tepat dan mudah serta relevan dengan objektif kajian yang ditetapkan. Penggunaan kaedah seperti pemerhatian, temubual, rujukan internet dan analisis dokumen yang mana ia amat ringkas bagi mewujudkan hubungan yang erat daripada informan. Selain itu, aktiviti temubual juga telah diguna bagi mengetahui pandangan responden mengenai tajuk yang pengkaji dipersoalkan. Kaedah kuantitatif diterangkan dalam bentuk graf dan nombor. Penggunaan kaedah ini bertujuan mengkaji atau mengesahkan teori andaian bagi mendapatkan hasil

penyelidikan, jenis penyelidikan boleh diguna. Misalnya, penggunaan pendekatan kuantitatif boleh dijalankan seperti tinjauan, penyelidikan eksperimen, penyelidikan, pemerhatian, analisis pandangan. Perbezaan mengenai pendekatan kualitatif yang terlibat merupakan dalam bentuk perkataan, pemahaman konsep, pemikiran atau pengalaman telah digunakan oleh pengkaji. Jenis penyelidikan ini membolehkan pengkaji untuk mengumpulkan maklumat serta mendalami tentang tajuk yang sukar diatur dengan teliti. Penggunaan pendekatan temubual dijalankan sebagai kaedah seperti melalui temubual, kajian kes, analisis wacana. Data kualitatif atau kuantitatif sendiri tidak dapat memberi relevan atau jawapan tentang apa yang menunjukkan maknanya yang bertentang dengan persoalan kajian. Cara yang digunakan dapat dilihat oleh bagi menilai sejenis data.

### **3.2 PENDEKATAN KAJIAN**

Penyelidikan ini berkonsepkan kajian tinjauan kerana ia merupakan cara mengumpul info dengan mendapatkan data hasil daripada kaedah temubual, pemerhatian, rujukan internet dan analisis dokumen. Penyelidikan kajian yang disebut survei adalah kajian penggunaan dimana ia berbeza melalui data kualitatif secara dalam bentuk temubual. Selepas itu, dapatan dan penghasilan analisis yang diperoleh dari contoh bebas akan memberikan keberkesanan dan jawapan yang berhasil. Pemeriksaan yang berkala dapat aspek yang ditemui. Secara amnya, penyelidikan ini adalah penyelidikan kuantitatif deskriptif yang bertujuan untuk mengenalpasti dan mengkaji secara sistematik penguasaan pengkaji yang berkaitan dengan adat dan pantang larang suku kaum Seletar di Kampung Teluk Kabung. Penyelidikan ini melibatkan rekabentuk kajian temubual. Penyelidikan pemerhatian yang tergolong dalam penyelidikan yang dikatakan merupakan ciri penyelidikan berpandukan pembacaan oleh Mohd Majid Konting dan Hamidah juga bersifat kenyataan langsung. Kajian pemerhatian merupakan proses bagi membentuk kajian di mana penyelidik telah mendapatkan kesemua pemerhatian terhadap contoh kesemua sampel menurut Crosswell pada tahun 2005.



Pendefinisian rekabentuk menurut Kerlinger (1986) adalah satu peradapan pemerolehan info yang berfokuskan pelan yang khas serta penelitian mengenai makna penggabungan kesatuan hubungan dengan penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan dua jenis rekabentuk kajian iaitu berbentuk eksperimental dan bukan eksperimental. Rekabentuk kajian yang telah digunakan dalam tajuk adat dan pantang larang semasa kematian masyarakat suku kaum Seletar di Johor adalah informan kajian. Contoh penyelidik ini ada di antara suku kaum Seletar yang menetap di sekitar Kampung Teluk Kabung. Contoh kajian akan diguna dengan target informan lelaki dan perempuan yang terdiri daripada 100 responden. Saiz contoh berada dalam 100 responden untuk penyelidik membuat penilaian mengenai topik penyelidik dalam satu kelompok tidak mencukupi. Percontohan secara rawak diterima bagi mendapatkan responden peluang yang sama untuk dipilih. Memandangkan penyelidikan ini hanya berfokus kepada adat dan pantang larang semasa kematian masyarakat suku kaum Seletar di Johor, namun terdapat juga asal usul dan sejarah kehidupan masyarakat suku kaum ini yang menjadi salah satu objektif kajian oleh pengkaji.

### **3.3 UNIT ANALISIS**

Bahagian analisis memberikan satu dapatan bagi mendapatkan hasil yang sempurna bagi mendapatkan pemerhatian yang dibantu dalam kajian. Bahagian analisis merupakan satu gabungan yang diambil kira kerana ia penting dalam seseorang dan komuniti sebagai objek pemerhatian. Dalam penelitian kajian ini, pengkaji akan Johor ialah menggunakan cara menilai maklumat. Bahagian analisis adalah prosedur mengumpul dan mendapatkan maklumat ke atas subjek dan satu huraian untuk disimpulkan kepada kesimpulan kajian yang diperlukan oleh matlamat. Bahagian data juga terhasil daripada pemerolehan bahagian yang adalah tahap paling utama bagi permasalahan sebuah aktiviti yang dilakukan oleh pengkaji. Teknik analisis maklumat yang digunakan merupakan cara analisis data temubual yang mana cara ini dapat mentafsirkan maklumat yang berhubung dengan objek pemerhatian serta berjaya mendapatkan maklumat dan menggambarkan pembolehubah penerimaan dapatan secara teliti dan secara terperinci betul dengan aspek yang dikaji yang

telah disimpulkan. Bahagian maklumat digunakan bagi menerima jawapan kesimpulan yang diberikan kepada responden. Unit analisis mempunyai pelbagai tahap dalam analisis data. Antaranya ialah bahagian temubual. Kaedah ini bertujuan mengorganisasikan dan merumuskan responden secara numerikal bagi subjek kajian secara berkala dan tersusun. Kebiasaannya, ia melibatkan penggunaan jadual grafik atau rajah. Bahkan, tahap analisis juga menggunakan cara bahagian nombor yang dikehendaki bagi mendapatkan sebuah pengakhiran atau menikmati sebuah kejadian yang terkena oleh suatu kelompok dengan penggunaan dan contoh yang dipamerkan. Bahagian matlamat kajian yang dapat diperolehi adalah sebuah cara bagi mengumpulkan maklumat sebegitu sehingga peroleh semakan kira-kira. Kaedah ini merujuk kepada subjek dan objek yang dikehendaki bagi pengkaji yang terdapat maklumat yang telah disatukan dalam maklumat yang sudah diperolehi dengan data yang ada. Kesemua proses dan pemerolehan data serta penelitian semestinya disatukan dengan betul secara teratur bagi kajian. Isu yang timbul menerima akan jawapan berdasarkan cara pemerolehan yang tepat digunakan. penggunaan rangka kerja ialah bahagian data seperti subjek dan objek serta pemerhatian, temubual, cara mengambil gambar. Soal selidik merupakan cara mengurus data dan maklumat. Namun, penyelidik telah guna pakai kaedah pemerhatian, temubual, cara ambil gambar dan sebagainya.

Info yang telah diperolehi sebuah penyelidikan yang dapat diguna dengan menggunakan temubual. Proses ini juga dapat meneliti dan menilai adalah objek dan subjek utama dan ia dapat mengenalpasti secara teliti adat dan pantang larang semasa kematian masyarakat suku kaum Seletar di Kampung Teluk Kabung di laksanakan. Bahkan, temubual juga telah digunakan oleh pengkaji dalam tajuk ini. Ia merupakan jawapan kepada hasil soal selidik bagi mendapatkan hasil yang tepat. Temubual ini juga dibuat melalui menggunakan rekod video, rakam video, perakam audio, menulis secara karangan dan manusia yang ditemubual hendaklah mengetahui tujuan pengkaji melakukan temubual dilakukan. Di samping itu, tujuan pengkaji hendaklah baik dengan adab semasa temubual dan selalu cakna terhadap perkara yang dilontarkan oleh informan. Hal ini bagi mendapatkan kesahihan maklumat. Penyelidik perlu cepat semasa mencatat dan ia merupakan bahagian terpenting dalam cara temubual. Manakala, cara ambil gambar perakam video, visual dan pengaturan merupakan kaedah sampingan digunakan kaedah ini. Satu penambahbaikan yang menjadi teknik

sebagai medium bagi menjalankan kajian selaras dengan kecanggihan teknologi dalam pelbagai cara yang moden. Cara ini diwajibkan bagi mendapat persetujuan dari informan responden yang turut serta sebelum merekod data dan maklumat dengan penggunaan teknologi yang canggih. Semestinya adalah lebih baik elok jika keizinan antara pengkaji dengan responden dinyatakan dalam bentuk tulisan sebagai bukti penyelidikan dijalankan.

### **3.4 KAEDAH KAJIAN**

Dapatan ini menghasilkan akibat dan mengapa temubual dipilih untuk melakukan kajian ini. Bab ini juga menyatakan pernyataan pengkaji yang mengenai penyelidik bagi mendapatkan info dan tujuan bagi menjayakan target capaian. Terdapat beberapa cara kajian diteliti dalam tajuk ini antaranya ialah kaedah temubual, kajian lapangan dan soal kaedah pemerhatian. Pengkaji telah mengenalpasti antara cara yang dapat dibantu pengkaji mencatat info secara teratur dan mengikut jadual.

Cara pemerhatian akan dilakukan oleh pengkaji ialah kaedah pemerhatian dengan melawat tempat kawasan kajian yang terletak di Kampung Teluk Kabung, Johor. Pengkaji akan meneliti cara hidup suku kaum Seletar di kampung berkenaan. Pemerhatian dibuat dengan berulang kali bagi mendapatkan maklumat yang secukupnya tentang suku kaum ini. Komuniti Orang Seletar hanya boleh ditemui di lapang buah perkampungan yang terletak sekitar Daerah Johor Bahru. Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Simpang Arang, Kampung Bakar Batu, Kampung Sungai Temun, Kampung Teluk Jawa, Kampung Pasir Putih, Kampung Kuala Masai, Kampung Teluk Kabung dan Kampung Pasir Salam. Namun, pengkaji telah memfokuskan terhadap satu kampung sahaja iaitu Kampung Teluk Kabung berbanding kampung lain.

Selain itu, kaedah temubual merupakan salah satu kaedah kajian yang digunakan oleh para pengkaji yang mana pengkaji akan memilih seorang atau lebih untuk dijadikan

orang sumber bagi menceritakan kepada pengkaji tentang peraturan dan larangan semasa meninggal dunia mengenai suku kaum Seletar berlaku. Pengkaji akan melakukan temubual bersama ketua kampung yang dikenali sebagai Tok Batin. Selain daripada tok batin, pengkaji telah melibatkan diri dalam menemu ramah rakyat orang Seletar bagi mewujudkan komunikasi dengan baik. Melalui kaedah temubual, maka terhasilnya analisis data yang berbentuk analisa temubual hasil daripada kaedah ini.

Oleh itu, kaedah kajian amat penting bagi melengkapkan kajian untuk mencari sumber- sumber yang berkenaan mengenai tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Teknik kajian yang digunakan oleh pengkaji seperti kaedah pemerhatian dan kaedah temubual merupakan kaedah yang dijalankan oleh pengkaji dalam tajuk ini.

### **3.5 PERSAMPELAN**

Kajian ini akan menggunakan persampelan rawak. Pengumpulan data merupakan aspek yang paling penting dalam menjalankan sesebuah kajian. Jawapan yang telah diterima isu yang telah dijangka hendak berjalan bagi sistematik terutamanya semasa proses penelitian data berlaku agar mendapat data yang tepat. Penyesuaian data dipilih bersesuaian dengan tujuan pemilihan. Cara percontohan yang digunakan dengan teliti oleh penyelidik bagi mendapatkan perancangan serta proses yang masih diguna pakai bagi mendapatkan maklumat yang akan digunakan. Teknik persampelan dapat memberi cabaran kepada pengkaji bagi menerima info tentang masyarakat terhadap kajian lebih mudah. Saiz contoh hendak diatitkan selepas cara percontohan selesai dijalankan. Sampel hendaklah dipilih secara rawak yang merupakan persampelan rawak yang sistematik. Data yang dipilih mestilah dilakukan dengan meneliti salah satu contoh dari hasil yang ditetapkan atau digunapakai. Teknik mengambil contoh merupakan dengan cuma sebatian atau sesetengah info yang utama diterima secara bebas. Yang lain dapatan data yang selepas itu, diambil secara automatik mengikut rangka. Perkara yang boleh dibuat adalah penentuan subjek atau objek kajian. Contoh saiz untuk penyelidikan boleh diberi kepada dua adalah

pembolehubah subjek atau objek. Setelah selesai, pemilihan contoh, saiz kemungkinan akan diambil contoh untuk menentukan aspek yang ingin dikaji. Penelitian cara dapat membolehkan dengan menerima capaian kajian dengan penggunaan soal selidik, temubual dan sebagainya. Sebagai contoh saiz yang boleh dapat melalui informan bukan setakat satu kemestian kerana capaian penyelidikan adalah membuat kesimpulan sahaja.

### **3.6 PENGUMPULAN DATA**

Pemerolehan maklumat yang terlibat dalam penyelidikan ini merupakan pemerhatian, rujukan internet, analisis dokumen dan temubual.

#### **i) Data Primer**

Temubual dan pemerhatian dikategorikan sebagai hasil data primer iaitu penemuramah dan pengkaji. Penemuramah adalah data dan sumber manusia yang berkaitan dengan emosi, tabiat, sikap, motivasi dan pendapat. Pemberi maklumat adalah sumber data yang berkaitan dengan pihak ketiga dan data yang berkaitan dengan komposisi atau gejala umum. Ia mengikut luas dan sifat rekabentuk penyelidikan kualitatif, tidak ada batasan yang jelas mengenai bilangan dan bentuk pemberi maklumat. Hanya ada satu rancangan keseluruhan yang mana golongan yang akan ditanya dan cara pertemuan mereka di kawasan kajian. Penemuramah yang ditetapkan mestilah seorang yang teliti dan arif tentang melukis peta peribadi di komuniti. Perkara ini penting terhadap jumlah kes yang memberi respon tetapi keputusan setiap kes yang memberi respon untuk memberikan pemahaman kepada fakta yang digunakan lebih tepat mengenai semua kaedah penyelidikan. Apabila penambahan orang yang diwawancara atau pemberi maklumat tidak berjaya menghasilkan pengetahuan baru, barulah dapat dipertimbangkan bahawa tahap tersebut telah dicapai ataupun tidak. Pilihan penyedia maklumat juga bergantung pada jenis maklumat yang akan dikumpulkan. Untuk mendapatkan maklumat yang terhad, teknik bola salji atau *snow ball* dapat digunakan. Dalam teknik ini, pemeriksa mesti memahami beberapa pemberi maklumat

utama dan meminta mereka memperkenalkannya kepada pemberi maklumat yang lain. Kaedah pemerhatian terbahagi kepada pemerhatian langsung dan pemerhatian peserta. Kaedah pemerhatian langsung ini merangkumi pemerhatian seperti menghitung jumlah penduduk yang tinggal di Kampung Teluk Kabung ataupun berkesempatan melihat bagaimana adat dan pantang larang semasa kematian berlangsung di kampung berkenaan.

## ii) Data Sekunder

Rujukan internet dan analisis dokumen dikategorikan sebagai sumber data sekunder dalam pengumpulan data. Pada pendapat Marican (2005), data dapat disebut adalah contoh yang dikemaskini oleh pengkaji. Misalnya, info masa lalu dan sebelumnya dikumpulkan untuk merungkai pertanyaan penyelidikan dan berkembang menjadi maklumat atau formula baru dalam penyelidikan hari ini. Hasil dapatan yang diterima telah dikumpulkan oleh pengkaji lain bagi dijadikan rujukan untuk membuat ringkasan dan maklumat asas untuk mendapatkan rujukan semasa atau masa yang akan datang. Misalnya, maklumat tambahan yang ada tersedia merupakan kertas umum. Pengkaji semestinya tidak yakin dengan semua info tambahan, data ini sangat penting untuk membantu melakukan proses pengumpulan data mentah tetapi penyelidik mesti penyelidikan yang utuh untuk mendapatkan kepercayaan info tambahan sebab info dalam data tambahan diteliti bagi menghasilkan lebih banyak maklumat. Tujuan pengkaji secara teliti dan teratur serta untuk mendapatkan jawapan yang berkaitan dengan sosial. Penyelidikan dijalankan dalam keadaan apa pun yang tidak melibatkan data tambahan seperti masalah baru dan isu yang akan jad. Info yang baru hasil penyelidikan dapat dinyatakan sebagai data utama dan mendapat nyatakan info kini. Justeru itu, data utama dan data sekunder adalah pergantungan dalam menyelesaikan segala isu serta menjejaki capaian utama atau kebolehan kajian.

### **3.7 INSTRUMEN KAJIAN**

Bahan utama merupakan alat bantuan yang diperlukan oleh penyelidik dalam kajian untuk mengumpulkan data atau maklumat yang diperolehi. Peralatan yang digunakan dapat membantu pengkaji dari segi memudahkan urusan temubual, kerja lapangan dan sebagainya semasa kajian yang dijalankan. Bahkan, urusan merekod data atau maklumat akan lebih mudah diperolehi dengan adanya instrument kajian berkenaan. Antara instrumen yang digunakan oleh pengkaji ialah seperti berikut:

#### **3.7.1 Kamera**

Pengkaji menggunakan kamera telefon bagi mengambil gambar dan maklumat yang penting untuk mengumpulkan maklumat. Seterusnya, kamera juga digunakan untuk merakam dan merekod maklumat melalui proses fotografi semasa temubual dan kerja lapangan dijalankan bersama responden. Hal ini dapat memudahkan pengkaji untuk dijadikan bukti bagi mendapatkan maklumat yang diperolehi serta digunakan untuk menghasilkan dokumentari bagi tajuk kajian ini

#### **3.7.2 Telefon Pintar**

Semasa temubual secara tidak berstruktur yang telah dilakukan ke atas responden, instrumen telefon pintar digunakan untuk menghubungi para responden tertentu secara atas talian. Telefon pintar digunakan sebagai medium untuk menemuramah responden tersebut bagi memperolehi maklumat yang diinginkan terutamanya responden yang tidak mampu untuk ditemui semasa menjalankan kajian atau responden yang tidak mahu untuk melakukan temubual secara bersemuka.

### 3.7.3 Buku Catatan

Buku catatan juga adalah instrumen yang paling penting bagi pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Segala maklumat yang didapati mengenai keseluruhan kajian termasuklah jawapan temubual dan sebagainya akan ditulis dalam buku catatan sebagai bukti untuk merekod data atau maklumat tersebut. Buku catatan juga akan dirujuk sekiranya ada data atau maklumat yang diingini tercicir semasa sesuatu proses penyelidikan dijalankan.

## 3.8 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, cara digunakan adalah aspek utama bagi sesebuah kajian. Kaedah yang digunakan adalah sebahagian cara dan asas kepada cara untuk menelaah, meneliti, merekod, menulis dapatan bagi mendapatkan dapatan yang menyatukan kajian. Ia bertujuan menyatakan bagaimana bagi penyelesaian isu yang diteliti serta mengapa sesuatu cara digunapakai. Cara yang digunakan adalah bertujuan bagi mendapatkan kebolehan mengenai penerapan cara untuk mencipta jawapan mengenai prosedur kajian.

Cara metodologi yang diteliti yang boleh digunakan pengkaji seperti kaedah pengumpulan data yang melibatkan data pertama dan data kedua. Namun, cara kajian telah diteliti oleh penyelidik adalah cara temubual bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kajian yang bertajuk adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar yang berfokus di Kampung Teluk Kabung. Di samping, kajian analisis data yang tidak dibenarkan campur bagi setiap membolehkan yang dihasilkan bagi dapatan sesebuah kajian diterima. Pergantungan kepada pemilihan kaedah kajian yang hasil yang akan diperoleh. Penyelidik dapat menentukan atau memilih metodologi kajian yang sesuai dengan tajuk kajian setelah dinilai semua aspek yang berkaitan dengan tajuk ini. Dapatan kajian yang diterima melalui cara penggunaan kaedah kajian. Keseluruhan aspek yang terlibat dengan



tajuk kajian. Penyelidik dapat meneliti atau merangka cara pemerolehan maklumat yang betul dengan topik kajian.

Cara kajian yang diambil setiap kali kajian dilakukan mempunyai capaian yang tersendiri mengikut jenis kajian. Penggunaan cara kaedah kajian mestilah kena dengan matlamat tajuk latihan penulisan. Perkara yang penting semasa melakukan sesuatu penyiasatan untuk mendapatkan info yang benar dan berkualiti. Dengan ada cara kajian, penyelidikan akan dapat dijalankan dengan terperinci serta menampakkan dapatan yang berkualiti tinggi. Perancangan awal dianggap sebagai pelan mudah menjurus ke tempat yang lebih tinggi atau sememangnya berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh pengkaji dalam kajian tersebut.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

Dapatan kajian merupakan bab yang menyelidik dan menjelaskan semua info yang diperoleh serta analisis yang telah dijalankan berikutan matlamat kajian dan topik kajian yang dinyatakan. Bab ini penting bagi sesebuah penghasilan projek penyelidikan bagi tujuan mendapatkan seluruh dapatan kajian serta matlamat kajian yang telah dijelaskan dalam kajian ini. Melalui hasil ini, merangkumi tiga matlamat yang pertama sepertimana yang telah dijelaskan pengkaji iaitu pengkaji dapat mengenalpasti sejarah dan asal usul suku kaum Seletar, kedua ialah pengkaji dapat mengenalpasti adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar dan objektif yang terakhir adalah pengkaji dapat menganalisis langkah untuk mengekalkan amalan dan budaya warisan suku kaum Seletar. Pengkaji juga ingin mengetahui sama ada adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar masih diamalkan ataupun tidak pada masa kini. Seperti yang sedia maklum, suku kaum Seletar merupakan satu kelompok orang asli yang menetap di Kampung Teluk Kabung, Johor.

Penyelidikan ini telah gunakan aspek kepada penelitian kualitatif dalam cara perolehan data. Maklumat yang dikumpul diambil berdasarkan aspek pendekatan kualitatif yang berbentuk pernyataan ayat yang terdapat secara langsung dalam kajian terbuka.

Pemerolehan data dibuat melalui kajian terbuka yang tertumpu di sesuatu kawasan yang berhampiran di Kampung Teluk Kabung, Johor Bahru.

Temubual semi struktur informan melibatkan komuniti Orang Asli yang menetap di kampung berkenaan telah dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat. Temubual dibuat berdasarkan untuk beberapa senarai orang dan senarai soalan untuk aspek adat serta pantang larang masyarakat Orang Asli Seletar yang telah dirancang pada awal kajian dan selepas kajian dilakukan. Kajian yang berdasarkan temubual adalah maklumat diperolehi dari hasil perbualan responden mengenai tajuk atau pertanyaan oleh pembentang. Kajian yang disatukan dan diperolehi dikaji melalui aspek sebagai contoh adat serta pantang larang suku kaum Seletar yang telah diberikan oleh responden.

Asas pertimbangan penilaian mengenai kehidupan yang berkualiti orang asli dilampirkan setelah analisis maklumat kajian dilakukan melalui tajuk pengkaji. Seramai tiga orang responden telah turut serta dalam pemerolehan kajian yang terdiri daripada pemilihan syarat yang telah diperlukan iaitu responden merupakan penduduk asal yang berasal dari sekitar situ iaitu di Kampung Teluk Kabung, Pengawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan sebagainya. Informan yang merupakan berlainan masyarakat yang berbeza iaitu terdiri daripada tiga kelompok masyarakat yang berbeza iaitu Belia, Tok Batin dan Pengawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah terlibat dalam kajian ini. Keseluruhan maklumat responden di sertakan dalam kajian ini merupakan hanya nama samaran sahaja bagi untuk merahsiakan privasi peribadi diri seseorang.

Justifikasi responden yang dipilih mengenai tajuk kajian yang bertajuk adat dan pantang larang suku kaum Seletar yang berfokus di Kampung Teluk Kabung di Johor ialah Tok Batin dan remaja suku kaum Seletar serta pegawai JAKOA Johor. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menemubual responden dengan soalan yang telah disediakan. Tok Batin suku kaum Seletar yang bernama Moen berusia 65 tahun

yang telah memimpin masyarakat Seletar selama 30 tahun dan dilantik oleh masyarakat di Kampung Teluk Kabung.

Pengkaji memilih Tok Batin suku kaum Seletar kerana beliau telah mengetuai masyarakat Seletar dan berpengalaman dalam menguruskan segala aktiviti yang telah dijalankan. Selain itu, remaja suku kaum Seletar yang bernama Sharulnizam yang berumur 21 tahun telah dipilih oleh pengkaji kerana beliau merupakan satu –satunya remaja yang bersekolah berbanding remaja yang lain. Sharulnizam mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Teluk Kabung di Pasir Gudang, Johor. Secara tidak langsung, beliau mengetahui serba sedikit adat berbanding remaja yang lain yang tidak mendapat pendidikan yang secukupnya. Seterusnya, responden yang dipilih oleh pengkaji ialah pegawai JAKOA Johor iaitu Encik Mohd Saffri Bin A. Rashid berumur 32 tahun yang telah berkhidmat di JAKOA Johor selama 13 tahun. Beliau telah menyertai program pangkalan hadapan bersama JKM bagi persediaan meghadapi banjir di kampung Orang Asli yang terlibat, menghantar bantuan bakul makanan bagi masyarakat di kampung Orang Asli yang berada di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Dihadkan (PKPD), program pemberian vaksin bersama KKM kepada masyarakat Orang Asli dan sebagainya. Jelas bahawa, pemilihan responden mestilah bertepatan dengan kajian kerana mereka merupakan sumber pertama yang diguna pakai untuk menjayakan kajian.

Analisis teori merupakan hasil daripada teori yang digunakan dalam kajian yang bertajuk adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar yang berfokus di Kampung Teluk Kabung di Johor. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori Struktur Fungsional. Teori ini juga dikatakan memperlihatkan masyarakat sebagai satu keseluruhan yang terdiri daripada beberapa bahagian. Jika dilihat pada setiap bahagian, ia berfungsi dengan memberi makna pada satu bahagian dan juga memberi sumbangan secara keseluruhan kepada bahagian-bahagian berkenaan. Masyarakat dilihat sebagai satu sistem sosial yang mempunyai fungsi yang tersendiri. Kerangka teori yang diguna dalam kajian ini adalah teori fungsional iaitu tokoh yang menyokong kepada teori yang dipelopori oleh Durkheim. Terdapat tiga aspek utama yang dikategorikan melalui idea atau pemikiran

Durkheim yang berkaitan dengan teori yang dikaji ini iaitu fakta sosial, perpaduan dalam masyarakat dan fenomena bunuh diri. Namun, kajian ini berfokuskan mengenai fakta sosial dan perpaduan dalam masyarakat yang dikemukakan oleh Emile Durkheim. Kemudian, fakta sosial mempunyai cabang yang tersendiri seperti faktor luaran, faktor dalaman dan faktor umum. Kajian ini menghuraikan mengenai faktor sosial kerana ia telah ada sebelum individu itu ada dan akan tetap ada setelah individu sudah tiada. Sebagai contoh, adat dan pantang larang telah lama ada semasa nenek moyang dan adat ini masih digunakan lagi oleh segelintir masyarakat Seletar. Kedua, faktor paksaan merupakan fakta sosial yang memaksa individu agar sesuai dengan keadaan semasa. Misalnya, si mati akan dikuburkan mengikut adat dan pantang larang suku kaum Seletar apabila ada berlaku sesebuah kematian di kampung mereka. Akhir sekali, faktor umum adalah perkara yang tersebar dalam dan luar masyarakat milik bersama dan bukan milik individu sahaja. Contohnya, kebiasaan adat dan pantang larang adalah milik semua masyarakat yang boleh dilakukan secara bersama-sama dengan masyarakat. Sebagai individu yang bertanggungjawab dalam sesebuah masyarakat hendaklah mengikut cara serta undang-undang yang terletak di dalam fakta sosial yang dibawa oleh Emile Durkheim yang harus dipakai dan diguna bagi membentuk masyarakat yang hidup dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera.

Analisis data ialah satu kaedah analisis yang telah digunakan bagi meneliti segala info yang dikaji mengenai dapatan yang diperolehi. Pengkaji akan mengenal pasti disamping merekod data yang telah diterima dalam bentuk laporan yang lengkap. Cara yang boleh digunakan mengikut teori yang telah dipilih oleh pengkaji bagi memproses pengumpulan data yang teliti. Teknik analisis data yang boleh digunakan seperti proses transkripsi, pembacaan semula, pemilihan tema, pemilihan sub tema, menyatukan data mengikut data serta akhir sekali bagi semakan untuk pengesahan laporan bertulis yang lengkap.

Proses analisis data yang pertama yang telah dilakukan oleh pengkaji ialah membuat proses transkripsi yang dikenali sebagai teknik peralihan rakaman audio ke dalam bentuk penulisan teks berdasarkan hasil temubual responden. Rakaman audio ini dapat membantu pengkaji semasa proses penulisan secara lengkap dengan efektif walhal pengkaji meningkatkan kefahaman mengenai kajian secara mendalam. Segala info yang diterima dari reponden yang telah ditemubual semasa kajian lapangan dijalankan dapat meningkatkan refleksi diri tentang terdapat beberapa perkara yang telah berlaku sepanjang sesi mendapatkan maklumat yang dijalankan di Kampung Teluk Kabung, Johor. Hal ini dapat menambah serba sedikit pengalaman hidup kepada pengkaji bagi menghasilkan kajian yang berestetika tinggi.

Tambahan pula, pengkaji akan membaca semula dan meneliti semua hasil penulisan berdasarkan sumber pengumpulan maklumat yang telah digunakan bagi tujuan untuk memastikan kesesuaian serta ketepatan susunan ayat dan maklumat dalam kajian yang dijalankan adalah betul. Pembacaan semula merupakan aspek penting dalam kajian bagi memastikan pengkaji dapat mengenalpasti kesalahan maklumat yang diberikan, mengemaskini susunan ayat dan membuat penelitian maklumat atau data kajian utama yang telah digunakan. Pencapaian objektif bergantung kepada pembacaan semula bagi membantu pengkaji dalam menjalankan kajian. Apabila tamat proses pembacaan semula, segala data dan maklumat akan dibahagikan mengikut tema dan sub tema yang berdasarkan objektif kajian pengkaji.

Akhir sekali, proses menyatukan data atau maklumat kajian yang diperoleh dari pengkaji selepas menggunakan segala kaedah metodologi bagi melengkapkan hasil dapatan kajian. Proses ini dikenali sebagai proses triangulasi. Semua maklumat kajian yang diperoleh melalui kaedah metodologi yang digunakan ialah kaedah kualitatif dimana kajian ini menggunakan responden untuk ditemu bual berdasarkan soalan yang dikemukakan oleh pengkaji bagi menghasilkan laporan yang lengkap dan penuh maklumat.

Data berdasarkan pemerhatian yang mana pengkaji telah menjalankan kaedah pemerhatian bermula dari awal kajian dijalankan sehingga akhir kajian bagi mendapatkan info yang lengkap berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Pemerhatian yang dijalankan menjurus kepada adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar di Kampung Teluk Kabung. Kaedah pemerhatian dijalankan dengan mengambil gambar dan merekod perbualan responden semasa sesi temubual berlangsung secara bersemuka melalui sesi lawatan ke lokasi kajian dan secara atas talian. Akhir sekali, pengkaji dapat menulis dan merekod maklumat yang diperoleh berdasarkan hasil temubual responden dan dijadikan sebagai maklumat tambahan.

Analisis maklumat demografi merupakan mengenai maklumat responden. Pengkaji telah mendapatkan tiga orang informan bagi menjawab persoalan yang disediakan oleh pengkaji semasa sesi temubual secara bersemuka dan secara atas talian iaitu menerusi panggilan telefon kepada responden berdasarkan objektif kajian pertama sehingga objektif ketiga kajian.

Pengkaji telah mendapatkan responden yang terdiri daripada penduduk Kampung Teluk Kabung dan pegawai JAKOA Johor. Hal ini demikian kerana, Kampung Teluk Kabung dipilih kerana penduduk suku orang asli di sana mempunyai sejarah penempatan mereka yang tersendiri di samping pemilihan pegawai JAKOA bertujuan bagi mendapatkan hasil yang berkualiti tinggi kerana beliau merupakan pegawai JAKOA yang telah berkhidmat selama 13 tahun dan mempunyai pelbagai pengalaman dalam menyertai aktiviti yang melibatkan masyarakat orang asli. Hal ini dikatakan bagi memudahkan pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan data yang terkini berkaitan dengan tajuk yang dipilih secara mendalam lagi. Hasil maklumat yang diterima telah dikumpulkan dan dirumuskan oleh pengkaji.

**4.1 SEJARAH DAN ASAL USUL SUKU KAUM SELETAR**

**4.1.2 Asal Usul Orang Asli**



Gambar 1: Orang Asli  
(Sumber: Carian Google)



Gambar 2: Orang Asli Seletar di Kampung Teluk Kabung  
(Sumber: Galeri Telefon Bimbit)



Pada awalnya, perkataan genetik bahasa melayu adalah orang asli yang telah digunakan di Malaysia secara formal untuk ditunjukkan kepada orang asli yang mendiami Tanah Melayu sejak dahulu. Secara keseluruhan, suku kaum orang asli yang berasal dari semenanjung Malaysia adalah 18 yang telah menetap sejak dahulu lagi. Kemudian, mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu Negrito atau Semang yang selalu ditemui di kawasan Utara semenanjung. Manakala, kategori yang kedua ialah suku kaum Senoi yang menetap di bahagian tengah semenanjung dan yang seterusnya ialah Proto-Malay atau lebih disebut juga nama melayu asli yang tinggal di bahagian wilayah selatan Semenanjung Tanah Melayu. Suku kaum orang asli ini dibahagikan berdasarkan genetik dan asal usul mereka. Di samping itu, golongan yang agak lain daripada masyarakat bumiputera yang lain turut dikenali sebagai orang asli.



Gambar 3: Adat dan Warisan Orang Asli

(Sumber: Carian Google)

Ciri-ciri yang ada pada masyarakat ini dikatakan bersifat heterogen. Masyarakat ini dikatakan berbeza dari segi pengamalan budaya dan mempunyai adat resam masyarakat kaum orang asli mengikut suku kaum masing-masing. Secara umumnya, masyarakat orang asli ini menjalankan pelbagai jenis cara hidup, amalan kesihatan seperti perubatan,

kepercayaan dan pantang larang yang berlainan berbanding masyarakat yang lain. Masyarakat orang asli ini mempunyai suku kaum yang tersendiri seperti Jakun, Temuan, Jahut, Temiar, Mahmeri, Seletar, Semai, Semelai, Kuala dan Jahai.

Hasil temubual bersama Tok Batin iaitu Encik Moen (2021), beliau menyatakan bahawa asal usul kaum mereka merupakan Orang Laut dan kemudian berpindah ke Kampung Teluk Kabung dan diiktiraf sebagai orang Seletar. Kehidupan orang Seletar bergantung kepada sumber dari laut seperti ikan, udang, ketam dan sebagainya. Ada juga sebahagian penduduk menjual hasil tangkapan kepada masyarakat luar. Beliau juga berkata bahawa orang Seletar ini ada segelintirnya yang telah memeluk agama Islam dan ada segelintir lagi masyarakat yang masih mengamalkan kepercayaan animisme.

#### 4.1.2 ASAL USUL ORANG SELETAR



Gambar 4: Orang Seletar

(Sumber: Carian Google)



Gambar 5: Rumah di Persisiran Pantai

(Sumber: Galeri Telefon Bimbit)

Orang Seletar atau yang dikenali dengan kata lain “sea gypsies” adalah masyarakat yang pendatang dari persisir tepian pantai yang menetap di dalam perahu, pulau, persisiran pantai dan kuala sungai. Kawasan berfokus penempatan adalah di persisiran pantai selatan Johor dan utara Singapura. Mengikut adat kaum Seletar, suku kaum orang asli ini bergantung kepada hasil laut sehingga menyebabkan mereka hidup secara berpindah-randah. Walaubagaimanapun, peralihan dalam sektor ekonomi telah merubah cara hidup mereka. Namun pada zaman kini, mereka telah mula menetap di kawasan penempatan yang lebih terancang di kawasan tepian laut selatan Johor. Suku kaum ini juga menjala ikan dengan menangkap menggunakan peralatan yang canggih seperti jala dan sebagainya.

Masyarakat orang asli suku kaum Seletar menjalankan kepercayaan alam lain seperti percaya kepada konsep pandang dunia. Namun, terdapat banyak lagi asal usul dan sejarah mengenai masyarakat orang asli suku kaum Seletar di Johor. Mereka adalah salah satu daripada kesemua 18 suku masyarakat orang seletar. Orang Seletar ini juga dikategorikan sebagai kumpulan Melayu Proto iaitu satu daripada tiga kelompok pertama masyarakat orang asli. Pertuturan bahasa suku seletar ialah bahasa unik mereka yang tersendiri dan kini mereka menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa untuk

berkomunikasi antara satu sama lain. Kaum ini juga dikenali dengan nama lain iaitu orang Selitar, Slitar, Kon Seletar, Kon dan Orang Selat menurut sumber Wikipedia.



Gambar 6: Taburan Penduduk Proto Melayu

(Sumber: Carian Google)

Jumlah populasi kaum ini dianggarkan sebanyak 3000 orang. Kawasan penempatan mereka yang mempunyai ramai penduduk yang tertumpu di selat Johor iaitu di Johor dan Singapura. Animisme merupakan agama dan pegangan utama orang Seletar pada zaman dahulu dan masa kini. Di samping itu, sebahagian dari mereka telah memeluk agama Kristian dan ada juga sebahagian dari orang Seletar memeluk agama Islam. Bahkan, kumpulan etnik yang berkaitan dengan orang Seletar ialah Jakun, Kanaq, Orang Kuala, Temuan dan Orang Laut. Suku kaum ini dikatakan bertapak di pulau seletar dan suku ini merupakan antara yang pertama menetap di pulau. Pada masa dahulu, suku ini merupakan segolongan bahagian daripada kaum Orang Asli iaitu suku Orang Laut yang menetap di dalam sampan panjang serta hidup secara berpindah- randah di permukaan laut, pulau, persisiran pantai dan kuala sungai. Walhal, pada masa kini orang Seletar telah menetap di kawasan perkampungan mereka sendiri. Kerajaan Malaysia telah memberi pengiktirafan kepada masyarakat ini sebagai golongan etnik orang seletar walaupun pada awalnya orang seletar adalah orang asli yang berasal juga dari orang laut Enam etnik kecil yang boleh

dibahagikan iaitu Jakun, Temuan, Semelai, Kuala, Kanaq, Semelai dan Seletar merupakan komuniti melayu proto . Masyarakat ini boleh dipecahkan lagi kepada 3 kumpulan utama yang lebih kecil berdasarkan gaya hidup mereka.pengamalan gaya hidup sama seperti orang melayu , berbahasa melayu, seperti orang temuan telah mewakili kumpulan pertama. Gaya hidup gabungan orang senoi yang berdasarkan bahasa dan budaya mewakili kumpulan yang kedua. Manakala , kumpulan yang terakhir yang tinggal di kawasan pantai ialah suku kaum seletar yang menganut agama islam dan bercakap bahasa melayu. Myanmar , Laos , Kemboja , Vietnam dan Thailand sebelum sampai ke semenanjung malaysia dalam kiraan 2500 tahun yang lalu dikatakan datang dari penempatan kawasan pertengahan asia yang berlokasi di Yunnan iaitu di China. Pelbagai perubahan yang mereka hadapi melalui penghijrahan orang Melayu Proto dan memakan masa yang lama. Kumpulan yang mula wujud melalui jalan laut iaitu setelah 500 tahun dahulu dan mereka telah menempuh pelbagai liku kehidupan dan kumpulan melayu proto sampai ke sini melalui jalan darat juga.

Menurut Sharulnizam ( 2021 ), yang merupakan remaja yang menetap di Kampung Teluk Kabung, kehidupan mereka di sini bergantung kepada hasil laut dan pada zaman mereka kecil, keluarga mereka telah tinggal di dalam sampan sebelum berpindah ke sebuah rumah bantuan daripada kerajaan Johor. Segala makanan seperti sumber protein mudah diperoleh hasil daripada kegiatan menjala dan memancing. Tambahan pula, mereka juga menjadi pembekal makanan laut kepada pemborong kedai makan.

#### 4.1.3 SEJARAH HIDUP SUKU KAUM SELETAR



Gambar 7 : Jala Untuk Menangkap Ikan

(Sumber : Carian Google)

Secara amnya, orang Seletar meneruskan kehidupan mereka dengan bergantung sepenuhnya kepada dapatan pantai yang membolehkan masyarakat selalu mengamalkan hidup bertukar tempat. Pada masa kini sektor ekonomi suku kaum ini telah berlaku perubahan gaya kehidupan dari zaman kuno kepada zaman moden. Mereka kini menetap di tempat yang lebih terutamanya di kawasan bahagian selat daerah Johor. Masyarakat suku seletar sahaja boleh didapati di perkampungan yang terdiri dari lapan buah di Johor. Antara kawasan penempatan mereka ialah Kampung Simpang Arang, Kampung Bakar Batu, Kampung Sungai Temun, Kampung Teluk Jawa, Kampung Pasir Putih, Kampung Kuala Masai, Kampung Teluk Kabung dan Kampung Pasir Salam.

Suku kaum Seletar mempunyai hubungan langsung dengan Sultan Johor. Pada asalnya, Orang Seletar telah mengamalkan gaya kehidupan bertukar tempat. Namun, mereka telah berpindah ke kawasan laut sahaja yang mana melibatkan pergerakan dalam perahu secara berkelompok. Kehidupan tradisi Orang Seletar sememangnya berhubung langsung dengan laut. Secara tradisional, Orang Seletar menetap dalam perahu yang

panjangnya 22 kaki dan lebar 6 kaki. Pada zaman dahulu kala, Orang Seletar mengamalkan ilmu hitam bagi menzahirkan perasaan tidak puas hati mereka kepada orang lain. Dalam masa yang sama, mereka mengamalkan agama adat yang menggariskan penghormatan kepada pengamalan amalan agama adat yang menggariskan penghormatan kepada kuasa halus yang mengawal laut dan penghormatan yang rasmi kepada nenek moyang. Sebagai kesannya, pengamalan yang dipegang hampir sahaja ditinggalkan kerana pemelukan islam dan Buddha serta Kristian telah menular.



Gambar 8: Aktiviti Jual Beli

(Sumber: Carian Google)

Penangkapan hasil laut seperti penangkapan ikan merupakan aktiviti utama seperti ikan, ketam, lala, kepah dan sebagainya. Aktiviti tersebut dijalankan oleh Orang Seletar bersama-sama dengan ahli keluarga mereka. Ia melibatkan kaum wanita dan kanak-kanak sama ada isteri ataupun anak-anak kecil. Kehidupan Orang Seletar yang terlibat secara langsung dengan laut telah membina beberapa pengetahuan dan kemahiran yang istimewa kepada mereka. Orang Seletar mampu menyelam dalam tempoh masa yang lama dan mempunyai kemahiran yang sangat baik dalam berenang. Orang Seletar mempunyai kaedah yang tersendiri dalam mensosialisasikan generasi muda mereka agar menguasai kemahiran istimewa tersebut.

Terdapat dua kaedah generasi muda Orang Seletar disosialisasikan iaitu pertunjukan oleh ibu bapa kemudian kemahiran tersebut melalui pengamalan dengan kawan-kawan. Ibu bapa Orang Seletar menunjukkan terlebih dahulu kemahiran tersebut dan kemudiannya dilaksanakan oleh anak-anak. Sekiranya anak-anak telah matang dan mampu untuk berdikari, anak-anak akan dibiarkan mempraktikkan kemahiran tersebut bersendirian atau bersama-sama rakan-rakan mereka. Kanak-kanak Orang Seletar mempraktikkan kemahiran istimewa tersebut bersama-sama dengan rakan-rakan mereka. Perkara yang memalukan jika sekiranya mereka tidak tahu berenang atau menyelam kerana kelemahan tersebut akan menjadi bahan ejekan rakan-rakan mereka.



Gambar 9: Aktiviti Memburu di Hutan

(Sumber: Carian Google)

Pada awalnya juga, Orang Seletar menangkap binatang di atas darat, memburu haiwan di atas darat dengan penggunaan lembing dalam aktiviti pemburuan. Namun kini, aktiviti tersebut tidak lagi dapat dilaksanakan kerana hutan di sekeliling mereka telah musnah akibat sentuhan pembangunan fizikal. Pada awal tahun 1970-an, masyarakat asli bermula di darat. Dengan itu, Orang Seletar mula membina perkampungan serta mula hidup secara menetap dengan membina rumah di atas darat. Walaubagaimanapun, aktiviti kehidupan harian Orang Seletar masih lagi tertumpu kepada kegiatan menangkap serta memungut hasil laut.



Pada awalnya, Orang Seletar tinggal dalam kelompok yang besar dalam sebuah penempatan. Namun, penempatan Orang Seletar tersebut telah berpecah kepada dua penempatan yang berlainan kerana berlakunya tiga peristiwa atau konflik iaitu penularan penyakit berjangkit, konflik tanah dan masalah ilmu hitam. Pada akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an, penempatan asal Orang Seletar telah diserang oleh pelbagai penyakit misteri seperti penyakit kulit dan telah mengakibatkan ramai Orang Seletar meninggal dunia. Selain itu, perebutan tanah telah wujud menjadi penduduk bertambah renggang dalam kalangan penduduk. Ia menyebabkan hubungan sesama penduduk menjadi bertambah renggang. Penduduk kampung juga menjadi sasaran percubaan ilmu hitam yang mengakibatkan penduduk kampung meninggal dunia. Perpindahan penduduk rentetan dari masalah yang separuh penduduk mengambil keputusan berpindah ke kampung baru.



Gambar 10: Orang Seletar Yang Moden  
(Sumber: Carian Google)

Kini, Orang Seletar sedang berhadapan dengan pembangunan yang memaksa mereka untuk membuat keputusan segera demi kelangsungan masyarakat mereka. Sungguhpun demikian, usaha tersebut bukan perkara yang mudah kerana ia melibatkan masa hadapan terutamanya pada diri dan generasi yang akan datang. Dalam keadaan tersebut, ia telah meletakkan Orang Seletar dalam dimensi dilema yang sangat luas dan membingungkan sehingga menyulitkan akal waras mereka untuk membezakan baik dan buruk bagi diri dan masyarakat mereka. Dengan pembangunan yang dikejar oleh masyarakat lain tidak menafikan bahawa peluang Orang Seletar untuk turut hidup dengan baik adalah sangat tipis.

Hasil temubual pengawai JAKOA iaitu En. Muhd Saffri (2021 ), mendapati bahawa kehidupan orang Seletar pada masa kini semakin maju. Walaupun masih ada lagi yang menjalani kehidupan dengan sumber laut seperti mencari kerja dan jalan perhubungan, namun telah ramai yang mula bekerja di kilang, kedai makan, kedai runcit dan berkhidmat dalam sektor kerajaan dan swasta. Dari segi pendidikan pula, telah ramai yang menghabiskan persekolahan mereka sehingga tingkatan 5 dan ada juga yang menyambung pengajian ke luar negara dengan biasiswa daripada JAKOA. Di samping itu, ramai juga yang berjaya membina perusahaan sendiri seperti membuka restoran dan menternak kupang dengan tajaan NGO dan JAKOA sendiri.

Kesimpulannya, orang Seletar merupakan Orang Asli yang dikategorikan sebagai Melayu Proto. Suku kaum Seletar mula bertapak di Kampung Teluk Kabung pada tahun 1982. Bahkan, nama lain bagi suku kaum orang Seletar ialah Orang Selat, Orang Selitar dan lain-lain lagi. Mereka tinggal berhampiran laut dan kehidupan mereka bergantung kepada hasil laut. Orang Seletar juga memiliki kemahiran yang khas seperti menyelam dan pandai berenang di lautan. Tambahan pula, kampung orang Seletar di Johor berjumlah lapan buah kampung termasuklah Kampung Teluk Kabung dan lain-lain lagi. Orang Seletar mempunyai kampung mereka yang tersendiri. Pada zaman dahulu, mereka telah hidup

secara nomad iaitu berpindah-randah dan pada asalnya mereka tinggal di dalam sampan sebagai tempat mereka berteduh. Namun, mereka telah diberikan bantuan khas untuk membina rumah di kampung masing-masing setelah dilanda arus kemodenan pada masa kini. Pada awalnya, suku kaum Seletar hidup dalam kelompok mereka yang tersendiri namun terdapat perselisihan faham antara mereka yang membawa kepada perpecahan etnik lalu orang Seletar berhijrah ke kampung lain dan hidup di pelbagai kampung di Johor. Orang Seletar juga mempunyai kaitan dengan Sultan Johor. Masyarakat mereka juga menggunakan ilmu hitam bagi menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap orang lain. Suku kaum ini dikatakan berasal dari Pulau Seletar di Singapura dan masyarakat ini dipercayai penduduk asal Singapura. Orang Seletar ini juga merupakan orang yang terawal yang tinggal di Pulau Seletar. Jelas menunjukkan bahawa sesebuah etnik mempunyai sejarah dan asal usul yang berlainan sememangnya mempunyai adat dan pantang larang yang telah diperturunkan oleh nenek moyang mereka.

## **4.2 ADAT DAN PANTANG LARANG SEMASA KEMATIAN MASYARAKAT ORANG ASLI KAUM SELETAR**

### **4.2.1 Adat Semasa Kematian Masyarakat Orang Seletar**



Gambar 11: Perbincangan Antara Jiran Tetangga

(Sumber: Carian Google)

KELANTAN

Seperti mana yang kita tahu, semua kaum di Malaysia ini mempunyai adat resam yang diturunkan dari nenek moyang mereka untuk dikekalkan kepada anak muda yang akan datang. Namun, masyarakat orang asli suku kaum Seletar ini mempunyai pelbagai jenis adat budaya, pantang larang, kepercayaan, amalan kesihatan dan nilai hidup kekeluargaan yang tiada pada kaum lain. Adat dikatakan satu kebiasaan, aktiviti, peraturan, hukum dan kesatuan yang dipegang oleh sesebuah kelompok masyarakat. Adat merujuk kepada undang-undang atau hukum adat yang merangkumi bidang sosial, politik, ekonomi dan undang-undang. Samudera menurut bahasa melayu lama. Adat yang dimaksudkan oleh pengkaji merupakan satu kebiasaan yang diterima pakai oleh nenek moyang lalu diturunkan kepada cucu cicit.

Manakala, larangan keras terhadap sesuatu tindakan berdasarkan kepercayaan bahawa tindakan sedemikian terlalu suci atau terlalu terkutuk untuk dilakukan oleh orang biasa dengan ugutan hukuman oleh kuasa ghaib didefinisikan sebagai maksud pantang larang. Sepertimana yang diketahui, larangan sedemikian wujud dalam semua latar masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa pengamalan budaya warisan orang asli mesti diterapkan untuk generasi yang akan datang terutama kepada generasi mereka. Masyarakat orang asli suku kaum Seletar ini adalah kelompok manusia biasa juga yang mempunyai keperluan bagi menjalankan gaya hidup yang berasal dari nenek moyang. Namun, terdapat adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar yang telah diturunkan oleh nenek moyang mereka.

Menurut Encik Muhd Saffri (2021), adat semasa kematian masyarakat orang Seletar masih lagi digunakan walaupun terdapat segelintir daripada masyarakat mereka yang mengamalkan kepercayaan animisme. Ini termasuklah pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar. Bagi yang beragama Islam, proses pengebumian jenazahnya adalah sama sebagaimana orang lain yang beragama Islam dan jenazah akan ditanam di perkuburan Islam yang disediakan di beberapa buah kampung Orang Asli di Johor Bahru. Namun begitu, bagi yang mengamalkan kepercayaan nenek moyang (animisme) atau tiada agama, setelah meninggal dunia, mayat mereka akan ditanam di kawasan yang berdekatan

dengan kubur saudara mara mereka. Selain itu, ada juga beberapa adat lain yang diamalkan seperti meletakkan tempurung kelapa di atas kepala mayat dan ditanam bersama keranda dan barangan si mati.

#### 4.2.2 Pantang Larang Semasa Kematian Masyarakat Seletar



Gambar 12: Upacara Menepung Tawar

(Sumber: Carian Google)

Pantang larang semasa kematian masyarakat Seletar pada kebiasaannya apabila sudah disahkan berlaku sebuah kematian di sebuah kampung, kerja yang dijalankan untuk menyara kehidupan seperti meladang, membina rumah dan memburu di hutan akan segera diberhentikan bagi menghormati suatu kematian. Hal ini kerana mengikut kepercayaan mereka, apabila seseorang itu masih menjalankan tugas dapat tahu pula ada kematian yang berlaku, individu itu akan terkena musibah dan mengalami kesakitan. Anak kecil akan dikenakan contengan di hidung dengan arang yang telah dimantera yang dipercayai untuk melindungi jiwa kanak-kanak daripada gangguan roh si mati. Tapak kaki, dada dan bulu kening setiap kanak-kanak akan disapu dengan arang. Pelindung yang menjadikan tujuan pemakaian pengandang ketika di waktu malam mesti dipakaikan untuk kanak-kanak supaya mereka tidak diganggu oleh roh jahat.

Bahkan, sebahagian masyarakat akan mengiringi ke tempat perkuburan untuk mengebumikan mayat si mati. Setelah sudah mengebumikan mayat, penghantaran makanan oleh si mati serta pemasangan api di tepi kubur selama enam hari berturut-turut akan dilakukan. Dalam tempoh masa yang sama pula, rumah si mati di bahagian bawah akan dihidupkan unggun api. Pasir halus yang ditabur dan dijampi lalu ditabur di sekeliling dinding rumah bertujuan untuk tidak terkena mata hantu yang terdapat di persekitaran rumah tersebut. Selama enam hari berturut turut amalan ini diteruskan kerana mereka percaya roh si mati masih berada di persekitaran rumah dan kubur dalam jangka masa tersebut. Manakala, pantang larang semasa kematian pula sentiasa ada orang sekurang-kurangnya seorang untuk menjaga mayat. Bahkan, ibu yang mengandung dan mempunyai anak kecil tidak boleh menghampiri mayat tersebut kerana dikhuatiri anak akan terkena badi orang mati. Namun, terdapat banyak adat dan pantang larang semasa kematian masyarakat orang asli suku kaum Seletar di Johor.

Apabila berlaku kematian, semua penduduk kampung akan berkabung serta berkumpul dan tidak dibenarkan menjalankan aktiviti seharian sebagai menghormati jenazah dan keluarganya. Jenazah akan dikebumikan dengan segera setelah diberitahu kepada semua ahli keluarga yang terlibat. Jenazah akan diiringi ke tanah perkuburan oleh kaum lelaki sahaja sementara kaum perempuan tidak dibenarkan ke tanah perkuburan sebelum jenazah dikebumikan. Pelita akan dipasang di atas kubur selama enam hari enam malam berurut-turut. Semua peralatan si mati akan diletakkan di atas kubur dan diselubungkan dengan jala. Perbuatan ini dipercayai dapat mengelakkan roh si mati daripada mengganggu keluarga dan penduduk di situ. Pantang larang yang melibatkan orang Seletar iaitu:

#### **i) Hantu Pantai Dan Laut**

Penjagaan hantu pantai dan laut pula dijaga dipercayai setiap pantai kerana ia mempunyai pantang larang. Larangan dalam menyebut atau menyeru apabila berada di lokasi yang berhampiran takut diterima bencana seperti pengurangan tangkapan ikan dan hasil akan

dimakan hantu. Jika mereka hendak menebang pokok bakau. Pastikan meminta keizinan sebelum memulakan pekerjaan dari hantu pantai.

### **ii) Cabul Mulut**

Larangan yang dikatakan cabul mulut bagi individu daripada menyebut sesuatu yang tidak bagus sebagai contoh ada makhluk halus yang sama dengan sesuatu benda. Hantu ini dipercayai terkena sampukan dan manusia akan diterima Dinah atau sumpahan.

### **iii) Pantang Di Laut**

Kepercayaan orang seletar mengenai tempat tinggal hantu dan penunggu kerana semasa di laut kita hendaklah melakukan sesuatu dan meminta kebenaran dari mereka terlebih dahulu. Sekiranya, tidak meminta izin orang tersebut akan terkena Dinah yang dikatakan sumpahan terhadap penceroboh orang tersebut akan meracau tidak tentu arah. Biasanya pesakit akan diubati dan sembuh apabila pawang yang mengubati orang yang terkena 'dinah'. Proses pengubatannya bergantung kepada berat atau ringan 'dinah' yang ditanggung pesakit.

Orang asli telah mewarisi adat dan pantang larang yang kaya dengan kepercayaan nenek moyang sejak dahulu lagi. Kepercayaan animisme telah dipegang oleh suku kaum seletar diikuti dengan semangat kepada tumbuh –tumbuhan. Mereka juga sangat mempercayai kepada semangat baik dan jahat. Setiap benda mempunyai semangat dan boleh membawa kemudaran ataupun kebaikan. Sekiranya mereka mengalami nasib yang kurang baik, bomoh akan bertindak mengusir semangat jahat yang membawa nasib tidak baik. Semangat jahat yang merupakan roh individu yang sudah mati dikatakan akan menimbulkan gangguan kepada masyarakat sekeliling. Orang Asli juga mempercayai unsur tidak baik yang mana dikatakan akan mengakibatkan bencana seperti kelaparan, penyakit, banjir dan kemalangan. Pantang larang seperti bukit bakau, gunung-ganang, pokok besar, batu-batan dan kayu-kayan dikatakan membawa semangat yang pematuhan supaya alam

tidak marah dengan kehidupan mereka. Selepas negara mencapai kemerdekaan, hampir 2000 orang asli telah memeluk agama Islam terutamanya suku kaum orang Seletar di Johor.

Hasil temubual bersama Tok Batin (2021), beliau menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara masyarakat Seletar yang memeluk agama Islam dan mengamalkan kepercayaan animisme. Pantang larang suku kaum Seletar semasa kematian antara yang memeluk agama Islam berbanding yang mempercayai animisme amat ketara dari sudut pengurusan si mati. Bagi yang mempercayai animisme, mereka mempunyai pantang larang seperti membuat tepung tawar manakala bagi yang beragama Islam, mereka menjalankan perintah sebagai umat Islam.

#### **4.2.3 Pantang Larang Yang Diguna Pakai Masyarakat Suku Kaum Seletar**

##### **i) Ketika Menguruskan Mayat**

- Sentiasa ada orang yang mana menjaga mayat sekurang-kurangnya seorang dari ahli keluarga si mati.
- Tidak boleh kebumi mayat pada waktu senja dan tidak sepatutnya pergi ke hutan atau melakukan kerja yang boleh mengancam nyawa.
- Para ibu-ibu yang mengandung atau yang ada anak seperti bayi tidak dibenarkan mendekati diri dengan mayat dijangka anak terkena kenan.
- Tidak dibenarkan memasak kecuali ikan.



## ii) Terhadap si mati

- Cara kebumi si mati iaitu kepala penghalakan kepala di sebalik matahari naik. Pakaian, peralatan harian dimasukkan sekali dan disertakan juga dengan wang syiling merupakan bekalan kubur yang dibawa oleh si mati. Selepas 7 hari kematian.
- 7 hari selepas kematian, ahli keluarga dibenarkan datang ke kubur. Tempoh 7 hari, roh si mati akan melawat ke rumah keluarga. Penyalaan unggun api akan dinyalakan selama seminggu dan di kubur si mati akan diletakkan makanan. Pada hari yang ke-100, ahli keluarga dikehendaki mengadakan upacara terakhir untuk si mati sebagai tanda penghormatan kali terakhir.

Hasil temubual bersama responden yang bernama Sharulnizam (2021), beliau berkata bahawa sebagai orang Seletar, mereka mengamalkan adat tradisi mereka yang tersendiri seperti upacara memakai pengandang apabila adanya sesebuah kematian. Golongan yang diutamakan memakai pengandang ialah kanak-kanak yang bertujuan untuk melindungi mereka daripada terkena gangguan makhluk jahat. Tambahan pula, sesuatu pekerjaan akan terhenti apabila sesebuah kematian berlaku di sesebuah kampung bagi menghormati si mati.

Kesimpulannya, setiap etnik mempunyai peraturan dan larangan yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka. Orang Asli sememangnya mengambil alih peraturan dan larangan kerana ia kaya dengan warisan asli. Kebiasaan adat yang dilakukan oleh suku kaum Seletar setelah mendapat tahu adanya kematian adalah mereka akan menghentikan segala aktiviti kegiatan mereka dan perlu bersama-sama menguruskan mayat si mati. Adat dan pantang larang digunakan ketika berlakunya sebuah kematian, perkahwinan, kelahiran dan sebagainya. Terdapat perbezaan bagi orang Seletar yang memeluk agama Islam berbanding orang Seletar yang mengamalkan kepercayaan animisme. Pelbagai peraturan dan larangan yang telah dilakukan oleh suku kaum Seletar semasa kematian adalah seperti penjagaan mayat, tidak dibenarkan mengebumikan si mati

pada waktu malam serta tidak digalakkan masuk hutan atau melakukan pekerjaan yang menyebabkan kesakitan semasa ada orang meninggal dan sebagainya. Sekiranya mereka tiada agama, amalan ini masih diamalkan. Namun begitu, bagi yang mempunyai pegangan agama, mereka akan mematuhi peraturan dan larangan agama masing-masing. Jelas ditunjukkan di sini bahawa adat dan pantang larang sesebuah etnik hendaklah dipelihara dan dipulihara bagi pengekalan warisan budaya sesebuah masyarakat.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.0 PENGENALAN**

Dalam kajian ini, pengkaji menyatakan tentang keseluruhan, ringkasan, cadangan dan saranan terhadap kajian yang telah dilakukan. Peraturan dan larangan merupakan tinggalan warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita yang terdahulu hasil daripada pembentukan masyarakat. Warisan asli perlu dipelihara dan dipulihara agar terus kekal bagi tontonan generasi yang akan datang. Kemajuan sesebuah negara bukan sahaja bergantung kepada sektor ekonomi semata-mata mahupun sektor pelancongan malah kemajuan sesebuah negara juga bergantung kepada warisan asli yang telah diperturunkan sejak turun-temurun. Permuafakatan dan sikap saling berkerjasama antara semua pihak adalah perlu bagi memastikan warisan asli terus kekal dipelihara dan dipulihara bagi tontonan masyarakat yang akan data

Kemusnahan warisan asli sesebuah masyarakat di negara ini semakin hari semakin hilang akibat arus pemodenan yang melanda pada abad ini. Tidak dinafikan bahawa kemajuan teknologi membawa kepada kepupusan warisan asli seperti peraturan dan larangan sesebuah masyarakat. Disebabkan, kemusnahan warisan asli memberi impak kepada masyarakat kerana mereka tidak pernah tahu di sebalik kehidupan bermasyarakat mempunyai peraturan dan larangan yang telah diperturunkan oleh nenek moyang mereka.

Sememangnya, komuniti dikatakan kosong dengan tiada ada pengetahuan am tentang sejarah masyarakat mereka tersendiri. Tegasnya, pengkaji bercita-cita agar matlamat dan misi utama warisan dipulihkan agar menjadikan negara ini kaya dengan warisan disambut oleh semua pihak agar dapat diteruskan serta dapat meletakkan nama Malaysia sebagai negara yang kaya dengan warisan budaya serta sentiasa berdaya saing dan maju di peringkat antarabangsa. Pelbagai pihak memainkan peranan yang penting dalam usaha mengekalkan warisan asli di Malaysia seperti pemberian dana khas dari pihak kerajaan dan sebagainya. Malahan, masyarakat juga memainkan peranan penting dalam menghargai sumber warisan budaya yang ada pada sesebuah masyarakat.

## **5.1 RINGKASAN**

Adat dan pantang larang ialah kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat bagi sesebuah kepercayaan yang diperturunkan oleh nenek moyang masyarakat zaman terdahulu yang terdiri daripada adat dan budaya warisan. Hal ini bertujuan bagi mendidik masyarakat serta menerapkan nilai warisan yang telah sedia ada untuk disampaikan kepada masyarakat yang akan datang. Kemajuan teknologi membawa kepada kemusnahan yang amat ketara kepada warisan tinggalan yang ada pada sesebuah masyarakat. Kadar pengetahuan am tentang sesebuah warisan masyarakat mengalami penurunan akibat daripada arus pemodenan yang semakin maju. Walhal, kemajuan negara juga bergantung kepada warisan budaya yang membawa kepada sektor pelancongan di samping dapat meningkatkan pendapatan negara. Sikap tolak ansur dan kerjasama dari pelbagai pihak membawa kepada permuafakatan bagi pengkalan warisan budaya sesebuah masyarakat untuk negara.

Masalah yang dihadapi oleh negara pada masa kini adalah kemusnahan sektor warisan budaya yang kian luntur dalam masyarakat. Dapat dilihat bahawa gajet yang berfungsi sebagai pencarian maklumat telah disalahguna oleh masyarakat pada masa kini. Secara tidak langsung, kecanggihan yang ada pada masa kini seperti gajet tidak dapat

menjamin masyarakat untuk sentiasa mencari maklumat tentang warisan budaya malah membawa kepada impak yang negatif seperti penyalahgunaan siber dan sebagainya.

Pengekalan warisan budaya mempunyai cabaran dan pelbagai langkah yang perlu diambil bagi menjayakan matlamat ini. Jelas bahawa kerjasama yang padu dapat membawa kepada pekekalan sesebuah tinggalan warisan. Oleh itu, pengkaji berharap bahawa penghargaan yang dilakukan oleh pihak yang terlibat mendapat sambutan yang memberangsangkan kelak.

Menerusi kajian-kajian lepas, pengkaji dapat menemui fakta-fakta penting serta mendapat maklumat yang diinginkan agar pengkaji mampu menghasilkan sebuah penulisan yang baik. Kajian lepas yang menjadi rujukan dan sandaran pengkaji semestinya kajian yang berkaitan dengan suku kaum Seletar terutamanya adat dan pantang larang. Melalui pembacaan dan penelitian terhadap kajian lepas, ia dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan dan menghuraikan maklumat serta membuat penambahbaikan terhadap penulisan dalam setiap bab.

Melalui hasil dapatan kajian mengenai peraturan dan larangan di kawasan yang dipilih, pengkaji dapat mengetahui dan mengenalpasti peraturan dan larangan yang terdapat dalam komuniti suku kaum Seletar yang menetap di Teluk Kabung. Pengkaji juga dapat memperoleh pengetahuan asas mengenai sejarah suku kaum seletar yang menjadi kebanggaan masyarakat setempat. Oleh itu, kajian ke atas adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar di Johor berfokus kepada kajian kes di kampung Teluk Kabung yang akan membawa kepada penambahan pengetahuan tentang kewujudan masyarakat mereka.

## 5.2 CADANGAN DAN SARANAN

### 5.2.1 Langkah Untuk Mengekalkan Amalan Dan Budaya Warisan Suku Kaum Seletar Yang Perlu Dilakukan Oleh Pihak Kerajaan

Warisan secara keseluruhannya dikatakan sebagai sesuatu warisan yang dapat dikekalkan daripada nenek moyang sehingga anak-anak terkini. Hal ini disebabkan, cabang pembelajaran mengenai tinggalan masyarakat terdahulu merupakan pelajaran dan kemahiran yang diturunkan kepada generasi yang akan datang dalam sesebuah kelompok melalui penerapan budaya dan gaya hidup dan dihadirkan dalam bentuk nyata dan membayangkan ingatan zaman silam masyarakat serta kegemilangan puak terdahulu. Adat dan pantang larang semasa kematian masyarakat orang asli suku kaum Seletar ini merupakan suatu peninggalan amalan budaya warisan sejak dari nenek moyang mereka lagi. Khazanah warisan yang menjadi kehidupan masyarakat pada zaman ini perlu dikekalkan untuk menjaga identiti dan jati diri individu. Peradaban sesebuah masyarakat sememangnya dapat dilihat pada tinggalan sesuatu kaum. Lambang tersendiri yang dibawa oleh masyarakat harus dipelihara dan dipulihara. Kesatuan warisan budaya dapat mencukupkan lagi peraturan dan larangan gaya hidup pelbagai masyarakat. Pengamalan budaya setempat mencorakkan ciri kepelbagaian kelompok dalam negara kita. Rakyat mesti didedahkan kepada kekayaan warisan budaya negara untuk mengembangkan budaya tradisional. Warisan budaya tradisional negara kita semakin lenyap ditelan arus akibat peningkatan pemodenan pada masa kini. Termasuklah masyarakat orang asli suku kaum Seletar di Johor yang mempunyai peraturan dan larangan semasa kematian yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Usaha ke arah untuk pengekalan amalan budaya warisan orang asli suku kaum Seletar ini ialah pengkomersilan barangan budaya, pemerksaan dan peningkatan kelebihan orang asli, pemberian kemudahan yang khusus, memberikan nasihat dan insentif serta kewujudan rumah budaya. Pada masa kini, pengamalan budaya warisan oleh generasi muda tidak memperlihatkan minat dan komitmen mereka untuk meneruskan amalan budaya warisan tersebut.

KELANTAN

Selain itu, pemeliharaan kepelbagaian dan warisan yang telah pada hingga kini merupakan langkah untuk mengekalkan amalan dan budaya warisan suku kaum Seletar. Pihak berkuasa seperti pihak kerajaan mestilah penganjuran aktiviti kemasyarakatan seperti memberi kebebasan kepada penggiat kesenian tanah air untuk mempersembahkan seni mereka kepada khalayak umum. Langkah ini sangat bagus kerana kebanyakan pengamal yang duduk di daerah tidak mempunyai pewaris kerana masyarakat tidak ambil kisah serta peningkatan taraf kehidupan yang melanda pada abad ini. Sememangnya, pihak berwajib mengenakan tindakan tatatertib bagi menyokong nasib pewaris seni pewarisan tidak lagi timbul isu tidak menjadi suatu perkara kepada negara kita yang dilihat kian mundur dari aspek adat dan warisan. Jelas bahawa pemeliharaan kesenian dan budaya merupakan cabang ke arah usaha pengekalan amalan budaya dan warisan.

Tambahan pula, langkah kepada pengekalan sesuatu adat dan tradisi daripada musnah begitu sahaja ialah pemerian insentif yang mencukupi kepada penyambung warisan masyarakat. Masalah ini terjadi yang melibatkan sesebuah komuniti kerana tiada pihak yang bertanggungjawab menghabiskan masalah ini. Jika dilihat, pada setiap bulan telah diperuntukkan kewangan yang telah disalurkan untuk pembangunan negara. Dengan pemberian yang telah diberikan oleh pihak kerajaan, penggunaan untuk pengekalan adat dan tradisi sesebuah warisan dapat dikekalkan kerana masyarakat mengharapkan insentif daripada pihak kerajaan. Sememangnya, masyarakat tidak akan berasa susah jika peruntukan diberikan dengan huluran yang betul dan sampai ke tangan pewaris seni persembahan tersebut secara berkala. Hal ini bukan sahaja, dapat menjamin keselamatan mereka terkawal malah dapat faedah yang positif untuk mengasah bakat mereka dengan lebih mendalam lagi seni dan budaya dapat dihidupkan dengan pemberian insentif dan pengurusan yang baik kepada penggiat warisan budaya.

Namun, banyak langkah lain telah juga dibuat oleh pihak kerajaan dalam meneruskan warisan yang mempunyai kepelbagaian komuniti di Malaysia. Pihak atasan semestinya mengambil inisiatif berkaitan dengan mewujudkan aktiviti kebudayaan rakyat Malaysia sekurang-kurangnya sekali dalam setahun untuk mendedahkan serba banyak

kepada rakyat tentang keunikan budaya yang terdapat di Malaysia. Pesta Kebudayaan dan Kesenian boleh diadakan di peringkat negeri, negara mahupun antarabangsa untuk menunjukkan pelbagai aktiviti kebudayaan yang terdapat di Malaysia yang meliputi seni persembahan, makanan tempatan dan lain-lain lagi. Keakraban sesebuah ikatan tanpa mengira kaum apabila semua kaum disatukan di bawah satu bumbung dapat memberikan faedah kepada ramai komuniti bagi usaha sama menjayakan pelestarian warisan budaya. Jelas kepada fungsi pihak atasan digalakkan bagi membantu dalam langkah yang diambil bagi pengekalan budaya rakyat Malaysia dalam pelbagai aspek samada di pelosok negara mahupun dunia luar. Tidak dinafikan bahawa isu kematian tidak boleh ditonjolkan dalam bentuk aktiviti mahupun kempen malahan masyarakat yang mempunyai adat dan tradisi yang lain seperti perkahwinan dan sebagainya yang merupakan daripada etnik mereka wajar dipelihara bagi menghargai warisan asli nenek moyang mereka.

Langkah yang boleh dibuat ialah dengan penjadualan pelbagai kempen dengan galakan masyarakat untuk kekal menghargai budaya tersendiri di negara sendiri atau negara luar. Aktiviti-aktiviti yang terlibat yang ditubuhkan oleh pihak atasan membawa impak yang positif dalam sektor warisan asli dan juga dapat memberi kesedaran kepada semua pihak kerana kepentingan pemeliharaan langkah ke arah pengekalan budaya masih lagi diperkenalkan. Aktiviti ini boleh dibuat secara berhari-hari bagi mewujudkan semangat kepada masyarakat setempat untuk lebih minat mengikuti aktiviti yang telah dirancang bersama. Bahkan, penganjuran aktiviti sukan, ceramah, webinar serta muzium maya akan melestarikan kehidupan warisan asli di negara kita cara yang boleh ditekankan adat dan budaya dalam memperkenalkan warisan asli sesebuah masyarakat dengan mengadakan wawancara mengenai suku kaum Seletar seperti membuat pendokumentasian tentang adat suku kaum mereka seperti adat kematian, adat perkahwinan dan sebagainya. Kedudukan tradisi dan identiti negara juga perlu disekat kerana kedatangan amalan luar tergugat dengan masalah ini.

Menurut Tok batin (2021) iaitu ketua kampung orang Seletar telah berpesan walaupun mereka hidup di era yang canggih ini, mereka tidak akan melenyapkan adat dan



tradisi mereka. Langkah yang perlu dilakukan oleh mereka ialah menghargai adat dan meneruskan amalan semasa kematian bagi suku kaum mereka. Bagi generasi muda kaum Seletar, mereka hendaklah cakna mengenai adat dan tradisi warisan mereka.

### **5.2.2 Langkah Untuk Mengekalkan Amalan Dan Budaya Warisan Suku Kaum Seletar Yang Perlu Dilakukan Oleh Komuniti Setempat**

Rakyat berbilang kaum merupakan negara Malaysia yang terdiri daripada cina, melayu dan india. Kaum-kaum ini merupakan penduduk asal Tanah Melayu. Di samping, ada juga kaum yang lain juga sabah dan Sarawak seperti kaum Iban, Kadazan, Murut, Dayak dan lain lain lagi. Terdapat di Malaysia ada budaya yang tersendiri yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Aspek bahasa dan budi serta keunikan yang ada dalam negara kita ada keistimewaan yang tersendiri bagi sebuah masyarakat. Tambahan pula, langkah yang lain yang perlu diambil oleh keseluruhan badan supaya pengamalan warisan dalam semua masyarakat tidak hilang begitu sahaja kerana pembangunan yang moden menyebabkan warisan tenggelam dengan begitu sahaja. Kesemua budaya yang ada di dalam sebuah komuniti melayu seperti muzik, makanan tradisional, pakaian tradisional, alatan muzik, kepercayaan, bahasa dan sebagainya sememangnya dipulihara bagi masyarakat seterusnya akan tahu segala bentuk pengamalan seni warisan yang telah diperkenalkan oleh masyarakat terdahulu. Hal ini demikian, fungsi keseluruhan pengawai diwajibkan agar semua yang dirancang dapat menampakkan hasil yang menyeluruh.

Semua pihak dapat menjalankan usaha atau cara yang dapat diteliti oleh bersama bagi memulihara dan memelihara warisan budaya. Hal ini merujuk kepada dari segi kesedaran dalam diri. Setiap masyarakat wajib menjalankan kehidupan yang menghargai sejarah bagi pengekalan bersama kerana cakna amat penting dalam mewujudkan pelbagai usaha yang telah dirancang berhasil dengan mudah. Sebagai seorang manusia hendaklah ada hasrat yang meluas bagi menerapkan aspek budaya yang ada di sekitar masyarakat itu sendiri supaya budaya itu dikekalkan. Sebagai contoh, anak-anak muda suku kaum Seletar

hendaklah didik dari awal untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti upacara perkahwinan, upacara kematian supaya mereka lebih terdidik untuk meneruskan adat suku kaum mereka yang tersendiri. Peraturan dan larangan tetap ada dan tidak hilang oleh sebab orang Melayu misalnya, mempunyai peraturan selepas yang telah digunakan seperti adat merisik, meminang dan barkahwin. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah orang Melayu yang telah melupakan disebabkan daripada perkembangan ekonomi yang maju. Jelas bahawa, aspek penting yang ditekankan oleh individu ialah cakna mengenai tanggungjawab dalam memelihara warisan.

Tambahan pula, pengenalan kepada amalan tradisi masyarakat setempat membawa kepada langkah untuk mengekalkan warisan budaya sesebuah etnik. Adat dan pantang larang boleh dikekalkan melalui pendidikan oleh ibu bapa sewaktu mendidik anak-anak tentang budaya warisan kaum mereka. Sememangnya, apabila berlaku sesebuah kematian, kanak-kanak tidak boleh mengikuti ibu bapa sewaktu upacara kematian yang berlaku dan agak mustahil ibu bapa menceritakan akan kebaikan dan keburukan ketika menguruskan adat kematian berkenaan. Pendidikan orang asli terutamanya orang Seletar yang hidup di Kampung Teluk Kabung juga sama seperti pendidikan di sekolah harian biasa. Peranan ibu bapa wajar dijadikan contoh dan tauladan dalam memupuk kecintaan mengenai adat dan warisan budaya dalam diri anak-anak kerana mereka merupakan orang yang paling selalu ada bersama sama anak anak mereka.

Antara cadangan lain ialah mewujudkan perkampungan budaya. Penubuhan kampung budaya berkenaan bertujuan untuk memberi peluang kepada generasi muda mahupun masyarakat orang asli yang menetap di sesebuah kampung untuk melihat upacara, pameran dan sebagainya. Dengan cara penubuhan ini, segala upacara yang melibatkan kematian, perkahwinan, kelahiran dan sebagainya dapat dilihat oleh masyarakat setempat dan secara tidak langsung golongan remaja memperoleh ilmu hasil daripada menonton upacara tersebut. Misalnya, Kampung Budaya Sarawak merupakan destinasi ekobudaya yang sangat mengagumkan. Perkara utama yang ditonjolkan di perkampungan budaya berkenaan ialah adat resam dan rekabentuk kediaman tradisional yang dimiliki oleh setiap

etnik utama di negeri ini tersebut. Jelaslah di sini bahawa penubuhan kampung budaya dapat menyatukan orang asli di samping pengekaln amalan dan tradisi dapat dikekalkan untuk tontonan generasi yang akan datang.

Menurut Encik Muhd Saffri (2021), Orang Asli Seletar mengamalkan budaya dan adat istiadat yang berinspirasikan laut. Namun begitu, pembangunan yang pesat di Johor Bahru ini sedikit sebanyak mempengaruhi amalan budaya dan kehidupan mereka. Selain itu, penerimaan agama Islam juga telah banyak mengubah amalan dan tradisi mereka yang bertentangan dengan ajaran Islam dan terpaksa ditinggalkan. Namun begitu, di perkampungan Orang Asli Sungai Temon misalnya telah menubuhkan satu kumpulan yang diberi nama Kumpulan Tarian Seletar Laut. Kumpulan ini banyak mencipta tarian dan lagu-lagu yang berkisarkan kehidupan mereka sebagai suku kaum Seletar. Lagu tersebut akan dipasang apabila terdapat pesta keramaian atau kenduri kematian oleh masyarakat suku kaum Seletar.

### **5.2.3 Langkah Untuk Mengekalkan Amalan Dan Budaya Warisan Suku Kaum Seletar Yang Perlu Dilakukan Oleh Media Massa**

Demi kesinambungan sesebuah masyarakat pengamalan budaya perlu dikekalkan. Kita dapat mengetahui akan asal usul kita melalui penerapan budaya lama ke budaya moden. Budaya yang masih diamalkan oleh semua kaum yang terdapat di Malaysia perlu dihargai dan diwarisi kerana ia merupakan sebuah budaya yang kaya yang tidak terdapat pada dimana tempat. Kesepakatan yang merupakan perpaduan antara masyarakat yang melibatkan aspek warisan asli dan budaya amat diperlukan dalam mencapai kesepakatan dan kesatuan bangsa. Keperluan persefahaman sebegini adalah penting sebab keutuhan kaum membolehkan komuniti maju dalam pelbagai lapangan di samping menikmati kehidupan aman dan bebas daripada peperangan. Kesepakatan bukanlah perkara yang mudah didapati. Ia juga boleh dimajukan menerusi aspek warisan asli yang dahulu kala. Jelas bahawa, langkah bagi meningkatkan seni, budaya dan warisan dikuatkuasakan bagi

merancangan yang mapan dan teratur dan juga menerapkan nilai keutuhan dalam pelbagai rancangan. Sehubungan dengan ini, pandangan terhadap warisan merupakan nilai yang estetika terhadap penghasilan sesuatu pengamalan sememangnya perlu dipelihara.

Oleh hal yang demikian, penggunaan platform media merupakan langkah untuk pengekalan sesuatu warisan budaya untuk mempengaruhi masyarakat serta menampakkan semula bagi mata masyarakat yang tidak jelas akibat dibawa zaman yang moden ini. Langkah ini diambil kerana dunia kini terlalu bebas dengan aktiviti sosial yang menyelenyapkan semua warisan sejarah. Penerokaan dunia hiburan yang semakin melampau menjadikan golongan muda ambil peduli mengenai warisan tinggal kita seperti pemaparan filem mengenai suku kaum Seletar secara umum boleh diterbitkan dengan lebih luas agar komuniti mengetahui adat dan budaya yang unik yang terdapat pada suku kaum Seletar ini.

Justeru melalui pengawalan budaya luar ke dalam takuk ini menyebabkan warisan tidak boleh diteruskan. Hal ini bermaksud, segala program televisyen yang berkonsepkan yang boleh menyesatkan kita hendaklah ditapis oleh pihak atasan kerana ia berpunca dari terlenyapnya budaya warisan disebabkan kesenangan yang diperoleh. Kesukaran untuk melihat budaya luar mengurangkan risiko membuatkan remaja terikut-ikut dengan budaya yang tidak sesuai dengan umur mereka yang sedang meningkat ke alam dewasa. Mereka sepatutnya didedahkan dengan nilai murni sejagat yang membawa kepada kebaikan untuk masyarakat setempat dan bukan sahaja memusnahkan diri mereka sendiri. Sejurus itu, perancangan yang dapat dibuat untuk menolak budaya luar bagi menjamin ke arah pelestarian warisan asli. Ia menjadi pertahanan yang utama bagi memastikan kebudayaan warisan kita ini terus wujud untuk beberapa dekad yang akan berkunjung supaya dapat diturunkan kepada pewaris anak-anak muda. Misalnya, masyarakat suku kaum Seletar sentiasa didedahkan dengan dunia luar serta tidak melupakan adat dan warisan yang mereka miliki meskipun suku kaum Seletar ini hidup di pada zaman yang moden ini.

Penghasilan dokumentari berkaitan orang asli merupakan langkah kepada pengekalannya sesuatu warisan budaya bagi mempengaruhi masyarakat supaya terdorong untuk menghargai sumber warisan yang telah sedia ada. Pendokumentasian merupakan satu proses rangkuman untuk menyelidik tentang khazanah sesuatu budaya. Pada abad ini, dunia hiburan semakin ke hadapan berbanding warisan pada masa dahulu tidak lagi diindahkan. Tidak dapat dinafikan bahawa, dunia hiburan yang tidak seiringan dengan penyampaian warisan di televisyen, radio dan lain-lain lagi membawa kepada kemusnahan sesuatu adat dan budaya setempat. Namun, pengekalannya kepada sesuatu warisan budaya boleh dicapai dengan membuat satu dokumentari khas mengenai suku kaum orang asli termasuklah suku kaum Seletar. Jelas bahawa usaha ini dapat dijayakan melalui kerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengekalkan lagi adat dan warisan tradisi sesebuah masyarakat agar tidak pupus begitu sahaja.

Berdasarkan hasil temubual yang diperoleh, dikatakan orang Seletar tidak popular dan tidak diketahui oleh orang ramai. Responden amat berharap agar pihak penyiaran misalnya membuat satu liputan khas dalam pengekalannya adat dan warisan kaum mereka dan tidak semestinya kematian sahaja malah perkahwinan, kelahiran dan sebagainya dapat direkodkan dan diwar-warkan kepada khalayak umum.

Kesimpulannya, semua tindakan yang perlu dilakukan sememangnya wajar untuk dilaksanakan di Malaysia bagi pengekalannya warisan asli ini. Kerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya remaja dirangsangkan bagi kelihatan budaya berkekalan hingga dapat disebarkan kepada generasi yang akan datang. Imej negara dan masyarakat itu sendiri akan musnah dalam sekelip mata kerana kegagalan bagi pelestarian budaya untuk diberikan kepada generasi yang akan datang. Peribahasa menyatakan bahawa 'tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan' yang membuktikan betapa pentingnya kebudayaan sesebuah bangsa itu dalam kehidupan. Secara keseluruhannya, budaya yang masih diamalkan oleh semua kaum yang terdapat di Malaysia perlulah dihargai dan diwarisi kerana ia merupakan sebuah tradisi yang unik yang tidak terdapat dalam kaum-kaum yang lain. Kesemua budaya yang terdapat dalam masyarakat Malaysia sama ada dari segi kesenian, muzik, adat resam,

kepercayaan, bahasa dan sebagainya haruslah dikekalkan untuk generasi yang akan datang supaya generasi baru juga turut mengetahui budaya yang telah diamalkan oleh nenek moyang mereka. Tegasnya, semua pihak yang bertanggungjawab menjalankan fungsi yang menyeluruh agar langkah yang dijalankan mendatangkan keberkesanan yang baik terutamanya dalam menghargai warisan sesebuah etnik.

### 5.3 PENUTUP

Secara kesimpulannya, masyarakat suku kaum Seletar ini dikategorikan dalam masyarakat Melayu Proto yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Golongan ini kaya dengan budaya mereka yang unik dan terasing daripada masyarakat luar. Namun, dalam era yang membangun ini telah mendatangkan kesan yang menyeluruh terhadap tradisi kebudayaan warisan masyarakat mereka. Sememangnya, suku kaum Seletar peraturan dan larangan bagi masyarakat mereka yang tersendiri. Tetapi, suku kaum Seletar ini menghadapi masalah perkauman iaitu tidak mahu bercampur dengan masyarakat lain rentetan daripada kemajuan yang telah dibangunkan oleh pihak kerajaan Johor untuk pembangunan tempatan.

Orang asli Seletar juga merupakan kumpulan pengembara persisiran pantai dan laut yang tinggal di tepian pantai selatan di Johor. Aspek dan struktur organisasi yang masih diamalkan oleh mereka dapat dilihat menerusi kehidupan mereka. Sebagai contoh, masyarakat suku Seletar masih mengekalkan ketua yang dikhaskan oleh seorang ketua yang digelar Tok batin yang mempunyai peranan yang besar ke atas penjagaan serta memastikan keamanan kaum mereka serta menjadi penghubung kepada masyarakat luar. Masyarakat suku Seletar ini mempunyai aspek kepercayaan mereka yang tersendiri seperti kepercayaan animisme. Tambahan pula, suku ini mempunyai pandangan hidup mereka yang dikenali sebagai *world view* yang banyak dipengaruhi oleh keadaan fizikal yang telah berlaku.

Jelas menunjukkan bahawa adat dan pantang larang yang digunapakai oleh masyarakat suku kaum Seletar perlu dipelihara dan dipulihara agar tidak pupus ditelan zaman. Jika perkara ini berlaku, secara tidak langsung ia akan menjejaskan segala perancangan bagi pengekalan warisan tradisi sesebuah masyarakat. Harapan pengkaji adalah semoga usaha pihak-pihak yang terlibat dengan pengekalan warisan budaya terhadap suku kaum terbalas menerusi penghargaan daripada pelbagai pihak serta pengekalan yang diusahakan dan dijalankan ini membuahkan hasil dan seterusnya dapat memberikan impak positif kepada semua pihak yang terlibat. Pengkaji juga mengharapkan agar semua pihak termasuklah masyarakat dapat mengekalkan warisan tradisi masyarakat suku kaum mereka yang tersendiri dapat menggoda tumpuan pelancong untuk datang melawat dan seterusnya dapat mempelajari warisan budaya tentang suku kaum Seletar ini. Dengan hasil tersebut bukan sahaja masyarakat pada masa kini sahaja yang mendapat manfaat bahkan generasi yang akan datang juga dapat merasai kelebihan tersebut.

**RUJUKAN**

- Asli, J. K. (2021, April 27 Tuesday). *Demografi Orang Asli*. Retrieved from JAKOA GOV: <https://www.jakoa.gov.my/suku-kaum/>
- Hadriah, H. (2012, March 6 Tuesday). *Budaya Masyarakat Orang Asli*. Retrieved from Orang Asli Blogspot: <http://orangaslimalaya.blogspot.com/2012/03/suku-kaum-Seletar.html>
- Hamid, U. R. (2019, October 04). *Sejarah Orang Seletar Disungkap Dalam Forum Pameran Taman Warisan Melayu*. Retrieved From Berita Mediacorp: <https://berita.mediacorp.sg/singapura/sejarah-orang-Seletar-disungkap-dalam-forum-pameran-taman-151206>
- Hasnoor, P. N. (2006). Pengekalan dan Pengalihan Bahasa Di Kalangan Masyarakat Minoriti : Tumpuan Kepada Orang Asli . *eprints journal*, 1-15.
- Hussin, S. (2009, October 2011 Sunday). *Hubungan Etnik*. Retrieved From Hubungan Etnik Blogspot: <http://hubungan-etnik.blogspot.com/2009/10/konsep-akulturasi.html>
- Khalifah, Y. A. (2011, July 13). *Jelajah 3 Suku Kaum OA*. Retrieved From Program Pembangunan Dan Dakwah Orang Asli (PPDOA): <https://www.yayasanalkhalifah.com/2011/07/jelajah-3-suku-oa-Seletar-kanak-jakun.html>



- Nor, H. M. (2009). Mengapa Kami Jadi Begini? Konflik Masyarakat Orang Seletar Dan Pembangunan Iskandar, Johor Bahru, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 1-11.
- Roddin, R. (2019). Keupayaan Komuniti Orang Asli Suku Kaum Seletar di Johor Bahru Melalui Keusahawanan Berasaskan Pelancongan. *International Journal of Society Research*, 1-20.
- S.Mahfuz. (2018, Mac 27). *Orang Seletar Negeri Johor Tidak Lagi Bergantung Kepada Hasil Laut*. Retrieved from benarnews: <https://www.benarnews.org/malay/galeri-foto/my-ss-Seletarjohor-180327-03272018173458.html>
- Satibi, Z. (2019, november 13). *Kenali Keunikan Masyarakat Peribumi* . Retrieved from Harianmetro:<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/11/516672/kenali-keunikan-masyarakat-peribumi>

## **PROSEDUR TEMUBUAL**

Encik Moen, 65 tahun,  
Tok Batin Suku Kaum Seletar.

Sharulnizam, 21 tahun,  
Remaja Suku Kaum Seletar.

Encik Mohd Saffri Bin A.Rashid, 32 tahun  
Pengawai JAKOA Johor.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

LAMPIRAN



U  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **SOALAN TEMUBUAL KEPADA PIHAK JAKOA, TOK BATIN DAN REMAJA**

### **OBJEKTIF 1: MENGENAL PASTI SEJARAH DAN ASAL USUL SUKU KAUM SELETAR**

1. Bilakah suku kaum Seletar mula bertapak di kampung teluk kabung?
2. Bagaimanakah kehidupan orang Seletar pada masa kini?
3. Apakah nama lain bagi suku kaum orang Seletar?

### **OBJEKTIF 2: MENGAJAI ADAT DAN PANTANG LARANG SEMASA KEMATIAN SUKU KAUM SELETAR**

1. Apakah perbezaan adat dan pantang larang kematian bagi suku kaum Seletar yang memeluk agama islam dengan yang beragama lain?
2. Apakah adat kebiasaan yang dilakukan oleh suku kaum Seletar setelah mendapat tahu adanya kematian?
3. Apakah pantang larang yang dilakukan oleh suku kaum Seletar setelah mendapat tahu ada sesebuah kematian?

### **OBJEKTIF 3: MENGANALISIS LANGKAH UNTUK MENGEKALKAN AMALAN DAN BUDAYA WARISAN SUKU KAUM SELETAR**

1. Sejauhmanakah adat dan pantang larang semasa kematian suku kaum Seletar dipraktikkan pada masa kini?
2. Bagaimanakah langkah untuk mengekalkan amalan dan budaya warisan suku kaum Seletar?
3. Sejauhmanakah pengamalan budaya warisan dapat diterima oleh masyarakat luar?


4. Adakah generasi baru suku kaum Seletar menerima dan mempraktikkan pengamalan budaya warisan suku kaum Seletar di dalam komuniti mereka?
5. Pada pendapat anda, sejauhmanakah semangat perkauman dititikberatkan dalam mengekalkan amalan dan budaya warisan mereka.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN